

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 14hb Januari, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan
Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANKESESAKAN LALULINTAS DI
KUALA LUMPUR

1. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan memandangkan kesesakan lalulintas yang berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur, apakah tindakan-tindakan perlu yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan nyatakan rancangan masa depan Kementerian untuk mengatasi masalah ini dengan diambilkira 2,000 kenderaan didaftarkan tiap-tiap bulan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur akibat pertambahan bilangan kenderaan dan pembangunan yang pesat di bandar ini. Oleh kerana itu di antara projek-projek utama di Kuala Lumpur ialah pembinaan dan pembaikan jalanraya.

Pada masa ini J.K.R. dan Dewan Bandaraya sedang melaksanakan Projek Pengangkutan Bandar Kedua Kuala Lumpur (Second Kuala Lumpur Urban Transport Project) yang mana sebahagian daripada peruntukannya dibiayai daripada pinjaman Bank Dunia. Projek besar ini mengandungi berbagai-bagai skim seperti memperbaiki simpang-simpang, meluaskan jalan, membina jalan litar, memperbaiki/membina jambatan, sistem mengawal lampu isyarat dengan komputer, menambahkan bilangan bas dan

lain-lain lagi. Semua peruntukan bagi projek ini ialah di bawah Kementerian Kerjasama dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Di samping itu terdapat juga peruntukan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (berjumlah \$24,012,700 di dalam Rancangan Malaysia Ketiga) bagi membina/memperbaiki jalanraya seperti Jalan Pekeliling, Jalan Pahang, Jalan Damansara, Jalan Kg. Pandan, Jalan Kg. Datuk Keramat dan lain-lain lagi.

Adalah diharapkan apabila semua projek ini siap dalam tahun 1980/81, kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur akan bertambah baik. Langkah-langkah juga diambil untuk memperketatkan penguatkuasaan Ordinan Jalanraya (Road Traffic Ordinance) supaya pengguna-pengguna jalanraya mematuhi undang-undang jalanraya. Dewan Bandaraya juga sedang menyediakan Pelan Induk (Master Plan) bagi Kuala Lumpur dan salah satu aspek kajian ialah mengenai pengangkutan di bandaraya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita berasa senang hati Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah sedar dan dapat pula kerjasama daripada 2 Kementerian lagi. Cuma saya ingin membuat soalan tambahan, bilakah masanya dapat ditentukan bahawa keadaan kesesakan jalanraya ini dapat ditatasi—3 tahun lagi, 4 tahun lagi, 10 tahun lagi?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah maklumkan tadi iaitu lebih kurang 2 tahun, pada tahun 1980/81, insya Allah.

PASAPOT AHLI-AHLI SUKAN

2. **Dato' Sulaiman Ninam Shah** (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau boleh

memberi kemudahan paspot kepada Ahli-ahli sukan dari Semenanjung untuk pergi ke Sabah dan Sarawak memandangkan ahli-ahli sukan yang dipilih selalunya tidak ada masa untuk memohon paspot oleh kerana ahli-ahli pasukan selalunya dipilih apabila hampir tarikh kejohanan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigeresen sentiasalah memberi kerjasama dan kemudahan untuk mengeluarkan dokumen perjalanan terhad kepada ahli-ahli sukan yang perlu pergi ke Sabah dan juga Sarawak untuk mengambil bahagian dalam segala acara sukan. Biasanya apabila pihak yang menganjur acara sukan itu menghubungi Jabatan Imigeresen perhatian khas adalah diberi untuk membolehkan ahli-ahli sukan itu dikeluarkan dengan dokumen perjalanan terhad dalam masa yang diperlukan.

PERUBATAN TRADISI

3. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membuat analisa terhadap Ubatan Tradisional Melayu sesuai dengan ketetapan persidangan ICTAM (International Conference on Traditional Asian Medicine) di Canberra dan persidangan perubatan traditional di Universiti Malaya baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada mengambil bahagian di dalam Persidangan Perubatan Tradisi yang telah diadakan di Canberra mahupun di University of Malaya. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah membuat permohonan kepada penganjur persidangan ini untuk mendapat laporan-laporan yang dikehendaki. Setakat ini kita belum lagi menerima laporan daripada mereka dan oleh itu saya tidak ada apa-apa ulasan.

LAPANGAN TERBANG ALOR SETAR

4. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperbesarkan

Lapanganterbang di Kepala Batas, Alor Setar memandang kepada keperluannya yang semakin meningkat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun membuat peruntukan-peruntukan dalam usaha meluaskan Lapanganterbang Kepala Batas, Alor Setar bagi membolehkan operasi-operasi kapalterbang jenis B 737. Satu rancangan pembangunan telah wujud sekarang ini bagi menyediakan Lapanganterbang Alor Setar untuk kegunaan kapalterbang jenis B 737. Perkembangan-perkembangan yang mengandungi usaha membina sebuah bangunan terminal, sebuah balai bomba baru, mengadakan lampu-lampu kapalterbang, membaharui permukaan landasan, meluaskan kawasan letak kapalterbang, memasang pagar keselamatan, memasang alat pembantu penerbangan (BOR) serta lampu-lampu penunjuk dan semua ini memakan perbelanjaan sejumlah \$4,722,150 telahpun diluluskan.

SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN— TARAF PENGAJARAN

5. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pelajaran menyatakan usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan lagi taraf pengajaran di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil usaha-usaha untuk meningkatkan lagi taraf pengajaran di sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Di antaranya termasuklah langkah-langkah berikut:

- (a) Menempatkan lebih ramai lagi guru-guru terlatih. Pada masa ini kebanyakan sekolah-sekolah rendah kebangsaan tidak mempunyai guru sementara lagi dan di sekolah-sekolah yang ada guru sementara, bilangannya tidak pun sampai 1%.
- (b) Dalam pemilihan guru-guru, calon-calon yang mempunyai kelulusan yang baik dan tinggi diambil untuk mengikuti kursus-kursus perguruan dan

pada masa ini semakin ramai guru-guru yang mempunyai kelulusan STP/HSC ditempatkan mengajar di sekolah-sekolah rendah.

- (c) Mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru terlatih untuk membaiki dan meningkatkan lagi kaedah-kaedah pengajaran dalam berbagai-bagai matapelajaran.
- (d) Mengadakan guru-guru pemulihan yang dilatih khas dan menempatkan di sekolah-sekolah yang benar-benar memerlukan khidmat mereka. Rancangan ini akan diluaskan lagi ke seberapa banyak sekolah yang dapat sebaik sahaja guru-guru khas dalam pendidikan pemulihan ini telah dilatih.
- (e) Mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik lagi termasuklah kemudahan-kemudahan pentadbiran dan membanyakkan alat-alat bantuan mengajar di sekolah-sekolah yang dahulunya didapati serba kurang.
- (f) Membanyakkan lagi pelajaran-pelajaran melalui radio dan talivisyen sebagai pelajaran tambahan kepada yang diberi di dalam bilik-bilik darjah.
- (g) Mengadakan skim pinjaman buku teks.
- (h) Menambahkan kadar pemberian bantuan kewangan ke sekolah-sekolah bagi perbelanjaan yang berulang pada tiap-tiap tahun atau LPBT/LPK (Lain-lain perbelanjaan berulang tahunan/lain-lain perbelanjaan khas).
- (i) Membuat perubahan-perubahan kurikulum sekolah supaya selaras dengan kehendak-kehendak semasa dan baru; dan
- (j) Memberi bantuan makanan tambahan berdasarkan kepada kepercayaan bahawa kemunduran murid-murid di luarbandar adalah disebabkan oleh kesihatan yang kurang memuaskan.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu lengkap, tetapi ada sedikit lagi yang saya ingin bertanya iaitu tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan beliau telah membuat penyusunan guru-guru untuk mendidik. Jadi, saya ingin mengetahui adakah

Yang Berhormat Menteri sedar masih lagi terdapat kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah tersebut.

Kedua, bolehkah dicukupkan dengan segera bagi tahun 1980 ini untuk memberi lebih kemas lagi kepada penuntut-penuntut kita sekalian?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, di dalam memperbincangkan kekurangan guru-guru dan kemudahan-kemudahan kita harus membezakan di antara masalah yang dihadapi di Sekolah-sekolah Menengah dan Sekolah-sekolah Rendah, soal yang dikemukakan ialah berhubung dengan Sekolah-sekolah Rendah.

Dari segi Sekolah-sekolah Rendah masih ada kekurangan guru-guru itulah sebabnya saya menyatakan bahawa setakat ini ada 1% lagi daripada guru-guru yang merupakan guru sementara dengan pemberian peratus ini bermakna bahawa inilah jumlah kekurangan guru-guru yang terlatih untuk Sekolah-sekolah Rendah.

Dari segi kekurangan tidak berlaku kekurangan oleh sebab di mana dia yang kurang diambil guru-guru sementara, tetapi dari segi kekurangan guru yang terlatih 100% masih belum lagi, oleh sebab itulah maka Kerajaan berusaha mengambil guru-guru pelatih ke Maktab-maktab Perguruan supaya mereka terlatih dan selepas itu menampung apa jua kekurangan.

Berhubung dengan soal kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti maksud Ahli Yang Berhormat itu kalau dia hendak kemukakan sekali lagi kerana saya tidak dapat menepati kehendaknya.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat Menteri meminta penjelasannya saya memberi tambahan, maksudnya begini, kerana masih terdapat sungutan daripada sekolah-sekolah yang berkenaan, jadi sebab itu saya bertanya bolehkah disegerakan untuk mencukupi perkara ini pada tahun 1980 ini.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sungutan tidak berlaku dari segi kekurangan guru berasas kepada jawapan saya tadi, kalau adapun akan di-tepati apa juga kekurangan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran saya kurang jelas dalam maksud guru pemulihan. Saya ingin meminta penjelasan adakah guru sekolah itu hendak dipulihkan atau anak-anak di sekolah itu dipulihkan—ini tugas guru itu.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat telah mengatakan ramai guru sementara yang kita akan ambil dengan sebab tidak kecukupan guru yang terlatih. Adakah Kerajaan memberi kemudahan peluang-peluang guru sementara satu ketika kelak mereka akan dapat memasuki pusat-pusat latihan yang tertentu supaya mereka dapat menjadi guru yang tetap.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal yang pertama, jawapannya ialah murid-murid yang harus dipulihkan dan guru-guru dilatih untuk memulihkan murid-murid iaitu murid-murid yang agak lembab ataupun ketinggalan di dalam pelajaran mereka diberi latihan khas.

Berhubung dengan soal kedua, soalan ini telah beberapa kali berbangkit sama ada di Dewan Rakyat ataupun di mana-mana juga perjumpaan saya dengan guru-guru atau rakyat jelata. Saya suka menyatakan bahawa guru sementara itu ialah merupakan guru sementara pada masa-masa yang lepas hingga tahun 1979 telah diberikan kedudukan istimewa kepada mereka yang telah diambil dengan syarat-syarat yang tertentu supaya mereka ini dapat diserapkan di dalam satu sistem latihan dalam masa cuti. Tetapi pemberian ini telah diberhentikan pada tahun lepas, jadi siapa juga guru sementara yang dipanggil guru sementara bahawa mereka benar-benar merupakan sementara, sementara menunggu guru-guru yang lain dilatih. Kalau guru sementara ini nanti diambil dengan cara tetap ataupun dilatih maka tidaklah wajar, tidaklah adil kepada mereka yang telahpun dipilih khas dengan kebolehan-kebolehan dan kelulusan mereka untuk dilatih di Maktab-maktab tertentu. Jadi di dalam soal ini saya sukalah menyatakan bahawa Kerajaan tidak bercadang hendak mengekalkan guru-guru sementara yang diambil, guru-guru ini semata-mata akan berkhidmat sementara menunggu guru-guru lain yang diambil untuk dilatih.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa sekarang ini sistem Kementerian Pelajaran seseorang guru yang telah tamat daripada latihan perguruan ianya tidak diserapkan sebagai guru tetap dan mengambil tempoh 3 atau 4 tahun baru mereka dijadikan guru tetap. Adakah kerana latihan yang diterima di Maktab Perguruan itu kurang maka menyebabkan diadakan had 3-4 tahun maka barulah guru itu dimasukkan dalam perkhidmatan Kementerian Pelajaran atau kerana memang dasar Kerajaan supaya tidak menaikkan pangkat dalam tempoh 3-4 tahun itu kerana ini boleh menguntungkan Kerajaan dari segi kenaikan gaji mereka dan keuntungan dari segi pengalaman dan kecekapan.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf tidak menjawab dengan tepat soalan yang pertama itu oleh sebab saya mengaku tidak dapat pengetahuan penuh sama ada benar atau tidak guru itu diberi 1, 2 atau 3 tahun sebelum ianya dilantik sebagai guru tetap. Walau bagaimanapun, saya sukalah menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa peraguan-cadangan Jawatankuasa Mengkaji Dasar Pelajaran yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ada perakuan-perakuan berhubung dengan latihan guru yang telah dibuat dengan begitu jelas. Yang pertama, latihan ini akan dipanjangkan daripada 2-3 tahun dengan tujuan hendak memberi latihan yang lebih lengkap lagi dan soal penempatan guru sama ada apabila guru itu diambil terus menjadi seorang pegawai Kementerian ataupun selepas ia lulus sahaja baru ditimbangpun telah dicadangkan oleh Jawatankuasa ini untuk dikaji dengan mendalam, insya Allah jawapan ini akan dapat dipastikan setelah dibuat kajian.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila setengah murid-murid telah habis pelajaran mereka di peringkat Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, mereka beralih ke Remove Class. Apabila mereka pergi ke Remove Class secondary level jika dibandingkan dengan sekolah yang mereka pergi mula-mula Standardnya lebih tinggi dan mereka tidak dapat belajar dengan

murid-murid di sekolah yang mereka ditukarkan. Adakah ini disebabkan taraf pengajaran di sekolah rendah yang mula-mula mereka pergi rendah pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal lain, tidak payah dijawab.

KUMPULANWANG PUSINGAN BAGI RANCANGAN PERUMAHAN

6. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan galakan beliau telah atau akan beri kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan tabung amanah atau apa jua kumpulanwang amanah di bawah wang kumpulan yang disatukan untuk membiayai perumahan kos rendah dan jika ada nyatakan negeri-negeri yang telah melaksanakan projek tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun bersejua menubuhkan satu Kumpulanwang Pusingan bagi maksud perlaksanaan rancangan-rancangan perumahan kos rendah. Untuk tujuan ini Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan \$5.0 juta sebagai pinjaman kepada tiap-tiap negeri untuk dimasukkan ke dalam Kumpulanwang Pusingan yang ditubuhkan itu. Wang \$5.0 juta ini tidak boleh digunakan untuk tujuan lain selain daripada maksud perumahan awam kos rendah. Tujuan utama Kumpulanwang Pusingan ini ialah untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri membiayai kos awalan projek-projek perumahan awam kos rendah seperti pengambilan tanah, penyediaan tapak dan kos infrastruktur. Setakat ini sebanyak 10 buah Negeri telah menubuhkan Kumpulanwang Pusingan masing-masing. Negeri-negeri tersebut ialah:

- (i) Perlis
- (ii) Kedah
- (iii) Pulau Pinang
- (iv) Trengganu
- (v) Pahang
- (vi) Negeri Sembilan

- (vii) Melaka
- (viii) Perak
- (ix) Selangor
- (x) Johor

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, negeri yang belum itu apa penyakitnya dia tidak masuk Kumpulanwang ini?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua negeri itu iaitu Sabah dan Sarawak pada setakat ini rasa saya tidak memerlukan penubuhan satu Kumpulanwang Pusingan oleh kerana Kerajaan Negeri itu ada wang yang mencukupi. Misalnya, Kerajaan Negeri Sabah memberikan \$10 juta untuk tujuan perumahan kos rendah dan oleh itu tidak perlu ditubuhkan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Wang pusingan yang tertentu itu adakah khas digunakan wang Kerajaan Persekutuan ataupun dicampurkan kepada wang negeri supaya banyak. Maksud saya, adakah wang yang \$5 juta ini apakala diberi kepada negeri-negeri itu tidak boleh dicampur dengan wang negeri itu sendiri tetapi khas daripada Kerajaan Persekutuan, dibelanjakan dengan nama Kerajaan Persekutuan ataupun boleh dicampurkan sama supaya membanyakkan lagi modal?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini mestilah dimasukkan ke dalam satu tabung pusingan khas iaitu di luar daripada wang Kerajaan Negeri yang lain.

HARGA BARANG-BARANG MELALUI TV

7. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada RTM bercadang membuat peraturan mengumumkan harga barang-barang tertentu melalui TV sebagai satu langkah membantu orang ramai menghadapi masalah kenaikan harga.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, sesuatu usaha untuk mengumumkan harga barang-barang tertentu melalui televisyen untuk

membantu orang ramai menghadapi kenaikan harga perlu mengambil kira faktor tertentu supaya pengumuman itu tidak menjadi "counter productive" atau mengelirukan rakyat. Antara faktor-faktor itu ialah:

- (i) soal harga barangan yang turun naik atau berbeza di antara satu tempat dengan yang lain;
- (ii) terhadnya punca atau rangkaian siaran TV Malaysia; dan
- (iii) soal menyesuaikan masa rakyat menerima maklumat mengenai harga barangan itu dengan masa mereka dapat menggunakan maklumat itu dengan berkesan.

Berdasarkan faktor-faktor tersebut, maka adalah tidak wajar bagi RTM Malaysia menyiarkan harga barangan tertentu menerusi televisyen.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya pun terkejut juga mendengar Timbalan Menteri Penerangan mengatakan tidak perlu harga barang-barang makanan harian rakyat yang daif di kampung-kampung supaya mereka dapat tahu khasnya mengenai harga barang-barang keperluan harian yang mustahak. Adakah perkara macam inipun tidak layak dimasukkan dalam TV bagi menolong rakyat?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nyatakan tadi bukan tidak perlu TV Malaysia mengumumkan harga barang-barang yang tertentu tetapi apa yang saya sebutkan tadi ialah oleh kerana faktor-faktor yang tidak boleh dielakkan seperti perbezaan harga-harga antara satu tempat dengan yang lain dan oleh kerana kita ada siaran TV yang dibuat satu masa sahaja dan daripada satu stesen sahaja tidaklah wajar untuk menggunakan Televisyen untuk mengumumkan harga-harga barang. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, RTM sekarang ini mengumumkan harga barang-barang tertentu melalui Siaran Radio khasnya di Ibukota dan juga kita mengumumkan barang-barang dagangan yang tetap dan uniform seperti harga getah, harga bijih timah, saham-saham dan lain-lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam siberan am berhubung dengan harga barang-barang ini kita berterima kasih kepada Kementerian ini telah menyebarkan melalui siberan am Radionya, tetapi adakah Kementerian ini sedar bahawa apa yang dikatakan oleh Radio mengenai harga sayur, ikan, daging itu banyak yang tidak tepat. Kadangkala rakyat mengatakan Radio ini bohong. Adakah Kerajaan sedar, kalau sedar macam mana hendak dibaiki dalam masalah ini?

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pun sudah sedar oleh kerana ada kadangkala kita mendengar cerita seorang perempuan pergi ke pasar hendak membeli daging. Penjual itu mengatakan harganya \$4.80 tetapi perempuan itu mengatakan: Radio pagi ini mengatakan \$4.50 sahaja. Penjual itu menjawab: Pergilah beli daripada Radio! Ini benar, tetapi masalah seperti ini tidak boleh dielakkan oleh kerana kita hanya boleh dapat harga-harga yang tertentu daripada apa yang sudah dijual pada hari yang lepas dan ini adalah masalah naik turun harga-harga dan ini bukan satu masalah yang Kementerian Penerangan boleh baiki.

PENGESAN JAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI PERSEKUTUAN

8. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri sama ada Kerajaan bercadang supaya pegawai-pegawai Persekutuan yang memangku sesuatu jawatan untuk beberapa tahun disahkan dalam jawatan tersebut.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengesahkan jawatan pegawai-pegawai Persekutuan yang sedang memangku sesuatu jawatan itu jika dalam masa memangku jawatan-jawatan itu mereka memenuhi syarat-syarat kenaikan pangkat; seperti cukup tempoh perkhidmatan yang diperlukan, telah menunjukkan kebolehan, tidak terhalang oleh kerana tindakan tatatertib atau berhutang dan tidak mempunyai laporan-laporan sulit dan laporan penilaian kerja tahunan yang tidak memuaskan serta wujud kekosongan jawatan yang bukan sementara.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak pegawai-pegawai Pusat yang memegang jawatan-jawatan kanan dari negeri yang memangku jawatan pangkat-pangkat tertinggi beberapa lama, mereka ini memang ada menerima surat-surat kepujian daripada Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi mereka terus memegang jawatan itu sebagai pemangku. Adakah apa-apa rancangan pada masa akan datang untuk mengkaji pendirian ini dan menetapkan sesuatu jawatan yang penting.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar dan pegawai-pegawai yang berkenaan telah tidak diberi jawatan tetap mungkin seperti sebab-sebab yang saya katakan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, itu memanglah menjadi tujuan Kerajaan untuk mengkaji dari masa ke semasa mengenai dengan jawatan-jawatan yang ada di Jabatan Kerajaan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang membayar elaun kepada pegawai Kerajaan yang memangku sesuatu jawatan apabila pemegang asal itu bertukar, akan tetapi sementara menanti pemangku yang disahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, mereka cuma menjalankan khidmat dengan secara sukarela. Adakah pegawai yang memangku cara tak rasmi dalam period of transition itu, Kerajaan bercadang hendak membayar elaun pada masa yang akan datang? Pada masa sekarang ini mereka tidak dapat apa-apa bayaran tetapi oleh sebab mereka pegawai yang senior dalam Jabatan itu terpaksa memangku tetapi pemangkuannya itu tidak diakui sah. Jadi adakah hendak dibayar elaun kepada pegawai itu?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dikemukakan itu adalah terlalu umum dan mungkin susah saya menjawabnya satu persatu dengan tidak mengetahui apakah jawatan itu. Walau bagaimanapun, setiap pemangku adalah sama ada diberi elaun memangku atau charge allowance. Ini tertakluk kepada jawatan itu dan masa yang dikenakan kepada pegawai itu untuk memangku.

PERUMAHAN—UBAH SYARAT TANAH

9. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pertukaran syarat tanah untuk perumahan masih mengambil masa yang begitu lama; jika ya, sama ada Kerajaan Pusat dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya pertukaran syarat ini dapat dipercepatkan dan dengan demikian mengurangkan kos pembinaan perumahan di negara kita.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar secara amnya kelulusan untuk ubahsyarat tanah untuk perumahan mengambil masa yang panjang dan dengan sebab itu saya sedar bahawa ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang cuba menyusun semula procedure mengenai perkara ini untuk mempercepatkan proses dan kelulusan. Walau bagaimanapun, dalam hal ini Kerajaan Negerilah yang dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mempercepatkan proses kelulusan tersebut dan Kementerian saya tidak bermaksud untuk campurtangan dalam perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

GERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI

10. Dato' Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan perbincangan Mesyuarat Puncak Negara-negara Berkecuali di Havana baru-baru ini dalam mana kedudukan delegasi Kerajaan Pol Pot dan Kerajaan Heng Samrin dari Kampuchea tidak dapat diputuskan; sama ada beliau menganggap "Gerakan Negara-negara Berkecuali" telah terjejas; jika ya, nyatakan tindakan Kerajaan Malaysia dan Negara-negara lain yang berpendirian "Berkecuali" yang sejati, untuk memelihara kedudukan "Gerakan" itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal perwakilan Demokratik Kampuchea di Persidangan Negara-negara Berkecuali di Havana, tindakan Kerajaan tuan rumah adalah satu perkara yang

belum pernah berlaku di dalam pergerakan negara-negara berkecuali. Ia telah bertindak secara bersendirian dan mengambil keputusan yang sewenang-nangnya terhadap hak kuasa Persidangan Kemuncak apabila dia tidak membenarkan Demokratik Kampuchea menduduki kerusinya. Malaysia dan banyak lagi negara-negara lain tidak menerima tindakan tersebut dan kita telah bercakap dengan terangnya mempertahankan pendirian kita.

Dalam menyokong Demokratik Kampuchea, Malaysia dan negara-negara sederhana hanya memegang teguh kepada prinsip-prinsip asas pergerakan Negara-negara Berkecuali dan pada keseluruhannya kita telah terus memainkan peranan yang membina supaya pergerakan dapat menjamin kepada prinsip-prinsip asas berkecuali itu.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Saya mengucapkan terima kasih atas usaha Kerajaan kita menyokong Kerajaan Pol Pot bukan sahaja di Persidangan Negara-negara Berkecuali dan di Bangsa-bangsa Bersatu kita menyokong supaya Kerajaan Pol Pot ini diberi tempat. Tetapi apakah hasilnya lawatan Yang Berhormat Tengku ke Vietnam baru-baru ini kerana berunding soal Kampuchea yang ada kaitan dengan Kerajaan Pol Pot. Bolehkah dapat diterangkan dalam Dewan ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sayapun agak juga perkara ini akan dibangkitkan dalam Majlis ini.

Masalah Kampuchea ini, pihak Malaysia dan sama juga pihak ASEAN hendak mencari penyelesaian politik agar pertikaian yang berlaku di Kampuchea ini, khususnya di sempadan Thailand dengan Kampuchea dapat disederhanakan yang mana kepentingan ini dapat dikurangkan yang kemungkinan kalau kepentingan ini berlanjutan akan merebak ke negara-negara yang lain. Hasrat Malaysia sama juga dengan hasrat ASEAN ialah supaya satu jalan dapat dicari dengan perbincangan di antara Malaysia sama juga ASEAN supaya kita dapat mencari jalan politik buat menyelesaikan masalah ini. Buat masa sekarang ini saya suka mengatakan kepada Dewan yang mulia ini pendirian masih lagi tidak ada persamaan di antara Malaysia ataupun ASEAN dengan Vietnam. Saya berharap agar satu masa kita dapat

satu common convergence di atas masalah hendak mencari penyelesaian politik di Kampuchea ini.

Sungguhpun pada masa sekarang ini ada perbezaan tetapi saya harap dengan adanya dialog atau contact atau discussion yang kita akan buat dari masa ke semasa, maka ini kita dapat mencari penyelesaian dan persetujuan ini telahpun dapat di antara Malaysia bersetuju dari masa ke semasa dapat berjumpa di antara Malaysia dengan Vietnam ataupun ASEAN dengan Vietnam untuk mencari jalan menyelesaikan masalah ini. Sebab itu saya telahpun mengundang Menteri Negara Vietnam, Nguyen Co Thach melawat Malaysia pada satu ketika yang akan datang sebagai lanjutan daripada perbincangan yang saya telah buat di Hanoi baru-baru ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya tidak lari dalam soalan ini. Dalam masa Yang Berhormat Menteri kita melawat ke Vietnam baru-baru ini adakah di antara perkara yang kita tidak dapat bersetuju boleh berjumpa tetapi tidak bersetuju pendapat masing-masing disampaikan kepada pengetahuan Vietnam bahawa sikap Malaysia di Havana itu adalah sama dengan negara-negara ASEAN dan bagaimana pula pendapat Vietnam terhadap sikap kita bila kita sampaikan kepada Kerajaan itu?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah terangkan juga sungguhpun buat masa sekarang ini pendirian kita ada perbezaan dengan pendirian Vietnam untuk mencari penyelesaian, tetapi saya dapat juga peluang memberi penjelasan kepada pihak Vietnam di atas pandangan-pandangan dan pendirian ASEAN dan Malaysia di atas cara hendak mencari penyelesaian masalah di Kampuchea ini dan menerangkan kenapa pendirian kita begitu. Saya telahpun menerangkan juga apa pendirian yang telah kita ambil baik di Havana baikpun di Bangsa-bangsa Bersatu di New York dan juga di forum antarabangsa yang lain, adalah cara prinsip yang perlu kita peliharakan prinsip-prinsip yang telahpun terkandung dan tercetak di dalam semua charter United Nations atau piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan juga sebagai satu daripada prinsip antarabangsa yang telahpun diamalkan oleh semua negara-negara yang ada di dalam dunia ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah dasar Kerajaan pada hari ini, iaitu self-sufficient untuk padi atau beras ini tidak dikehendaki? Pada masa dahulu inilah dasar yang diamalkan tetapi pada hari ini adakah dasar begitu diamalkan ataupun tidak oleh kerana jikalau padi itu terlampau banyak harga beras di negeri kita ini nanti melambung tinggi oleh kerana kita membayar harga beras dalam negeri kita ini mahal daripada luar negeri. Adakah dasar ini diamalkan lagi atau tidak; kalau tidak, mengapa?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian Negara yang akan diumumkan tidak berapa lama lagi akan menentukan sikap atau dasar negara kita berhubung dengan perkara tersebut. Sungguhpun perakuan-perakuan telah dikemuka dan dibincangkan dan diputuskan di dalam Jawatankuasa Kabinet tetapi saya minta izin kerana saya tidak berhak mengumumkan sebelum dasar itu dipertimbangkan di dalam Kabinet. Saya harap Ahli Yang Berhormat bersabar menunggu Dasar Pertanian Negara, barangkali tidak lama lagi akan diumumkan setelah ianya diluluskan oleh Kabinet.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan pengeluaran beras hanyalah 60%. Baru-baru ini pada masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merasmikan "Geraktani" di Kelantan ada disebutkan bahawa sebanyak 440,000 ekar tanah sawah yang terbiar yang tidak ditanam. Kalau sekiranya tanah 440,000 ekar ini ditanam padi adakah ia boleh menampung 40% lagi yang kekurangan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi?

Soalan yang kedua, begitu banyak tanah padi di negara kita sehingga 440,000 ekar terbiar tidak ditanam, ini nyatalah merugikan negara dan merugikan tuan tanah itu sendiri. Tidak adakah rancangan daripada pihak Kementerian supaya tanah ini diberi galakan supaya tuan-tuan tanah itu menanam dengan cara beri bantuan sebagaimana diberi kepada pekebun-pekebun kecil. Misalnya pekebun kecil getah diberi sampai

\$1,200 seekar dengan jalan beruncit-runcit; tahun yang pertama, tahun kedua sampai 6 tahun \$1,200. Maka tanah yang 440,000 ekar ini tidak adakah rancangan daripada pihak Kementerian Pertanian supaya diberi bantuan sama ada subsidi atau sebagainya dalam jangka 3 tahun atau 4 tahun, seumpamanya tahun yang pertama diberinya \$200 seekar, tahun yang kedua \$150, begitulah sampai 3 tahun kerana kita tahu penanaman padi ini apakala padinya sudah molek tanahnya sudah subur dengan tidak payah subsidi dia akan tanam padinya tetapi kalau tak diberi bantuan maka tanah 440,000 ekar itu akan terbiar begitu dengan tidak bertanam, merugikan dia dan merugikan negara. Bolehkah tidak begitu?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang pertama, iaitu apa yang saya sebutkan tadi hasil pengeluaran beras yang dicapai sebanyak 60.9% daripada keperluan negara ialah bagi tahun 1978 sahaja dengan sebab pada tahun tersebut satu musim di MADA telah tidak ditanam dengan padi dengan sebab kemarau panjang yang berlaku masa tersebut. Keadaan ini tidaklah berlaku pada tiap-tiap tahun yang lain termasuk tahun 1979 yang baru lalu ini. Pengeluaran tahun 1979 adalah dijangka melebihi daripada peratus yang diperolehi dalam tahun 1978, tetapi saya tidak dapat memberi angka-angkanya yang tepat kerana belum diperolehi sehingga setakat ini.

Dalam menjawab soalan yang kedua, memang Kementerian saya sedang berusaha dan memberi perhatian istimewa untuk mengerja atau menggalakkan penggunaan tanah yang dianggarkan lebih kurang 400,000 ekar tanah sawah yang terbiar di negara kita ini supaya dapat diusahakan kembali sepenuhnya dengan berbagai-bagai cara.

Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pertanian telahpun sebelum daripada ini menubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasat berhubung dengan mengesyorkan cara-cara melaksanakan tanah terbiar ini dan sekarang ini, mulai daripada awal tahun ini satu Jawatankuasa Petugas, khusus ditubuhkan di peringkat Kementerian Pertanian untuk mengatasi masalah tanah terbiar ini dan berbagai-bagai cara telah disyorkan dan akan dilaksanakan, termasuklah syor-syor

sebagaimana pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu walaupun tidak 100%nya mengikut cara-cara bantuan seperti yang dijalankan oleh RISDA. Walau bagaimanapun, bantuan-bantuan yang perlu akan diberi kepada petani-petani dan berbagai-bagai cara galakan yang lain akan dilaksanakan bagi menentukan supaya tanah yang terbiar itu dapat dipulih dan diusahakan semula.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu aman ini tidak menjadi masalah, kita boleh mengimport lebih kurang 40% beras tetapi kalau keadaan atau nasib tidak baik, kalau peperangan, bermakna kita akan jatuh susah fasal kita yang berumur dewasa ini, yang tua tahu sangatlah pada masa Jepun kita terpaksa makan ubi kayu. Soalan saya kalau kita tidak import daripada luar, beras yang ada ini berapa lama boleh tahan?

Soalan kedua, di Pulau Pinang khasnya Seberang Perai banyak sudah tanah bendang telah dijual kepada kaum lain dan orang-orang yang berkenaan itu tidak gunakan bendang itu sebagai bendang bahkan ditukar dijadikan zon perumahan, ini banyak berlaku. Kalau beginilah keadaan berlaku, saya bimbang lama-kelamaan bendang akan berkurangan dan tentulah beras kita akan kurang. Jadi apakah jalan-jalan yang dapat Kementerian mengatasi sekarang ini.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, sebagaimana yang saya sebutkan tadi hasil pengeluaran beras yang saya sebutkan hanya 60.9% dari segi keperluan itu berlaku dalam tahun 1978 yang lalu. Jadi kita bernasib baik kerana tidak berlaku apa-apa peperangan pada masa itu dan kita semua masih boleh hidup sehingga hari ini. Tetapi saya minta maaf kerana saya tidak boleh bagi angka beras yang ada pada hari ini kerana ini barangkali boleh angka-angka yang sebenarnya didapati daripada LPN di bawah Kementerian Perusahaan Awam yang dapat menentukan simpanan beras dalam negara yang ada pada hari ini.

Bagi menjawab soalan yang kedua, bagi mengatasi masalah di sawah-sawah padi di kawasan Pulau Pinang dan Seberang Perai, pihak Kementerian Pertanian telahpun me-

lancarkan satu projek pembangunan pertanian yang disatukan bagi kawasan Balik Pulau dan Seberang Perai dan ini dijangka akan dapat membantu memulihkan semula tanah terbiar supaya tanah padi dapat diusahakan kembali di kawasan Pulau Pinang dan Seberang Perai sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang akhir!

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pendek tetapi patut diterangkan dengan terang. Soalan tambahan saya begini, ekoran daripada pertanyaan soalan ini. Kita mengakui walau tahun manapun Malaysia tidak mencukupi beras 100% untuk negara Malaysia ini. Kita mengakui tak cukup, masih 30% kurang atau 25% kurang. Dengan diusahakan tanah sawah yang 400,000 ekar ini semula, adakah kita akan mendapat kecukupan 100% untuk menampung keperluan rakyat negara kita.

Soalan yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari ini. Kalau tidak cukup tahun bila, rancangan ke berapa baru kita kata kita dapat 100% menampung keperluan negara mengikut hisab Kementerian Pertanian.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tadi, walaupun 100% daripada kawasan 400,000 ekar yang terbiar ini diusahakan semula, mengikut anggaran saya masih juga belum lagi mencukupi keperluan 100%.

Bagi menjawab soalan yang kedua, saya pohon izin menjelaskan sedikit kerana Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak juga minta penjelasan. Sebenarnya satu Jawatankuasa Kabinet bagi merangka dasar pertanian negara telahpun dibentuk dengan arahan Kabinet dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan Jawatankuasa ini telahpun bermesyuarat dan telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Teknikal dan satu daripada perkara yang dibincangkan dengan halusnya ialah bagi menentukan pada masa sekarang ini dan pada masa yang akan datang berapa peratus kita mesti mengeluarkan beras untuk keperluan negara

kita. Sama ada mesti 100%, atau 80%, atau 70% ini telahpun dibincangkan secara mendalam di dalam Jawatankuasa Kabinet yang saya sebutkan itu. Jadi, Jawatankuasa itu juga telahpun memutuskannya tetapi oleh sebab tidak ada kuasa saya mengumumkan dalam Majlis ini kerana belum sampai masanya, barangkali akan diumumkan sendiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Kabinet itu setelah dibentangkan kepada Jawatankuasa nanti, maka perkara ini akan diumumkan. Sekiranya dasar pertanian ini menentukan negara kita mesti mengeluarkan beras 100% mengikut keperluan, maka Kementerian saya akan berusaha sedaya upaya untuk mengeluarkan pengeluaran mengikut target yang tertentu. Tetapi sekiranya dasar ini menentukan bahawa misalnya negara kita hanya dikehendaki mengeluarkan 70% atau 80% sahaja daripada keperluan negara, maka Kementerian saya akan menentukan pengeluaran mengikut target yang ditentukan oleh dasar ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 dan 17 adalah diberi di bawah ini)

KOLAM LOMBONG—KEJADIAN MATI LEMAS

16. Dato' Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan 24 orang, kebanyakannya kanak-kanak, telah hilang nyawa dalam kolam lombong yang tidak digunakan lagi di Wilayah Persekutuan sahaja, sama ada Kerajaan akan mengambil langkah yang wajar terhadap Syarikat Lombong yang berkenaan, dan sama ada Kerajaan dapat menimbang menggunakan tanah bekas lombong itu untuk membina rumah murah.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Kejadian kanak-kanak mati lemas yang mandi ataupun bermain di kolam-kolam lombong telahpun dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan ini. Sukacita saya menerangkannya sekali lagi kedudukan yang sebenar mengenai perkara ini. Kolam-kolam yang terdapat itu mungkin di atas tanah Kerajaan atau di atas kawasan pajakan lombong. Kolam-kolam yang ter-

dapat di atas tanah Kerajaan adalah bekas kawasan lombong yang diserahkan kepada Kerajaan selepas tempoh pajakan tamat. Kolam-kolam yang terdapat di kawasan pajakan lombong yang masih dikerjakan adalah diperlukan oleh syarikat perlombongan sebagai takongan air bagi kegunaan untuk operasi melombong dan kegunaan-kegunaan yang berkaitan. Kejadian mati lemas boleh berlaku di kedua-dua jenis kolam yang dinyatakan di atas. Kerajaan telahpun mengenakan syarat kepada syarikat-syarikat lombong supaya menimbus kolam-kolam dan meratakan tanah bekas lombong. Syarat ini dikenakan kepada semua lombong di dalam Wilayah Persekutuan. Usaha untuk menimbus kolam dan meratakan tanah di kawasan tersebut akan mengambil masa bagi sesebuah syarikat perlombongan untuk melaksanakannya. Ini adalah kerana tidak praktik bagi usaha menimbus kolam dan meratakan kawasan dalam jangkamasa yang singkat dapat dilakukan. Di samping itu, Jabatan Galian juga telah memberi arahan kepada syarikat-syarikat supaya mengawal/menjaga lombong dan menghalang kanak-kanak daripada datang atau berada di kawasan kolam lombong.

Dalam hal ini perlulah juga saya nyatakan bahawa ibubapa mempunyai peranan yang sangat penting menasihati kanak-kanak daripada pergi ke kawasan-kawasan yang mendatangkan bahaya seperti di kolam-kolam lombong. Ibubapa sendiri hendaklah sedar bahaya yang akan menimpa kanak-kanak yang bermain atau mandi di kolam-kolam lombong.

Mengenai bahagian kedua soalan iaitu sama ada Kerajaan dapat menimbang menggunakan tanah bekas lombong untuk membina rumah murah, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di luar bidang tugas Kementerian saya.

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL DI LUARBANDAR

17. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan Sekolah-sekolah Vokasional yang didirikan dalam tahun-tahun 1976, 1977 dan 1978 di kawasan-kawasan luarbandar dan kampung-kampung baru untuk melatih lebih banyak belia-belua untuk membolehkan mereka membuat pekerjaan sendiri.

Dato' Musa bin Hitam: Dalam tahun-tahun 1976, 1977 dan 1978 Kementerian saya telah mendirikan empat buah Sekolah Menengah Vokasional iaitu:

1976—Sekolah Temerloh	Menengah	Vokasional
1977—Sekolah Taiping	Menengah	Vokasional
1977—Sekolah Keluang	Menengah	Vokasional
1978—Sekolah Kelang	Menengah	Vokasional

Dengan adanya empat buah sekolah ini jumlah Sekolah Menengah Vokasional menjadi 24 buah.

Pelajar-pelajar dari kawasan-kawasan luar-bandar dan kampung-kampung baru yang jauh diberi kemudahan-kemudahan asrama di sekolah-sekolah ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Januari, 1980)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah.

3.43 ptg.

Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman: Bismillah hirahman nirahim. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih dan menyambung semula perbahasan atas Rang Undang-undang Pencen, 1979.

Sebelum saya membawa perkara-perkara tersebut, terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Kerajaan juga kepada Peguam Negara yang telah dapat mengadakan Rang Undang-undang ini daripada awalnya sehingga ke akhirnya dalam Bahasa Malaysia.

Saya ucapkan syabas kerana ketegasan daripada pihak Peguam Negara. Itulah harapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kalaulah daripada dahulu lagi dapat ketegasan begitu tidaklah payah Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap dalam Dewan ini tiap-tiap kali persidangan berbangkit tentang Bahasa Malaysia.

Saya rasa dalam beberapa hari yang lepas ada satu Rang Undang-undang semuanya dibuat di dalam bahasa Inggeris. Jadi saya berharap supaya pihak Peguam Negara dapat mengambil perhatian yang berat supaya dapat mengadakan Rang Undang-undang dalam Bahasa Malaysia di masa akan datang.

Kalaulah tidak cukup kakitangan di dalam pejabat Peguam Negara, saya berharap supaya dapat mengambil kakitangan tambahan supaya dapat diterjemahkan undang-undang dalam bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dukacita mengapa kita tidak mahu sangat bercakap Bahasa Malaysia. Adakah jatuh taraf seseorang itu kalau tidak menggunakan bahasa Inggeris? Sebab saya juga biasa masuk di dalam mahkamah perbicaraan budak-budak, sebagai penasihat di negeri saya sendiri.

Di dalam mahkamah itu saya berasa seolah-olah mahu dimain-mainkan begitu sahaja. Kalaulah ada perbicaraan kes kanak-kanak itu, mesti ada Pendakwaraya dua orang. Seorang bangsa Cina dan seorang bangsa India sebab di dalam kes-kes itu kalau membicarakan bangsa Cina kena Cina-lah pergi menyoal budak-budak Cina itu dengan bahasa Cina, Jurubahasa itu. Selepas itu Jurubahasa itu pula memberitahu kepada Tuan Hakim dalam bahasa Inggeris. Selepas itu Tuan Hakim pula memberitahu keputusannya dalam bahasa Inggeris. Begitu jugalah kalau ada bangsa India. Jadi kalau ada bangsa Melayu di dalam kes itu barulah bercakap dengan Bahasa Malaysia kepada Jurubahasa itu dan Jurubahasa itu juga memberitahu dengan bahasa Inggeris pula kepada Tuan Hakim. Inilah yang saya berharap kepada pihak Peguam Negara supaya menjalankan kuasa yang mana kuasa itu ada kepada kita, kalau kita tidak menjalankan saya rasa 30-40 tahun lagi pun tidak akan dapat Bahasa Malaysia ini sebagai bahasa rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini kerana kena pada masanya dan tempatnya sebab di masa-masa yang lepas kita asyik mengikut hak penjajah sahaja. Jadi mengikut huraian yang pertama dalam Bil ini ialah menyeragamkan bagi seluruh rakyat Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang kerana dua hari kita telah membahaskan Rang Undang-undang ini, bermacam-macam pandangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu dari saya. Di sini saya suka membawa satu dua perkara sahaja.

Yang pertama, saya menyentuh di dalam Fasal 10 (1) muka surat 6:

“10 (1) Tertakluk kepada seksyen-seksyen-kecil (2), (3) dan (4), seseorang pegawai hendaklah bersara dari perkhidmatan awam apabila ia mencapai umur lima puluh lima tahun.”

Jadi saya menyokong penuh dengan membahaskan pandangan daripada Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin yang mana patut dilanjutkan umur itu meningkat sampai 60 tahun. Apa sebabnya? Kita telah mendengar banyak rakan-rakan saya yang menyebut yang mana kita tahu pegawai-pegawai yang telah bekerja lama itu manakala umurnya 55 tahun itu masih boleh lagi menjalankan tugas mereka kerana mereka telah cekap menjalankan tugasnya seperti kata pepatah orang tua-tua: Alah bisa, tegal biasa.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang berpcen di masa umur 55 tahun, kita tahu dan kita telah nampak dengan mata kepala kita sendiri daripada masa-masa yang lepas kerana pada umur 55 tahun ini kalau kita ibaratkan seorang pegawai rendah yang ada anak sampai lima enam orang, tanggungannya masih banyak lagi kerana anak-anak ini belum lagi habis pelajaran. Mereka mesti bertanggungjawab kepada anak-anak dan keluarganya. Dengan umur 55 tahun itupun kadang-kadang mereka tidak sedar. Apabila mereka sedar umurnya sudah sampai pada had pencen mereka itu masih duduk di rumah sewa, tidak ada tanah tempat duduk dan tidak ada rumah. Jadi dengan sebab itulah saya berharap, kalaulah mereka dapat wang pencen itupun tidak

mencukupi, terpaksa anak yang sulung tadi mengorbankan, rela berhenti daripada sekolah dan minta kerja kerana hendak membantu ibubapa mereka dan membantu adik-adik mereka yang sedang belajar di sekolah itu.

Jadi saya percaya dan yakin, kalau bagi pihak pegawai tinggi saya tidaklah bimbang, tetapi bagi pihak pegawai rendah, itulah masalah yang penting saya bercakap di dalam Dewan yang mulia ini kerana kalau mereka dapat pencenpun tidaklah banyak, hanya setakat \$200-\$300 sebulan. Jadi, saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya dapat mengkaji semula tentang umur pencen yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh berkenaan Seksyen 12 mukasurat 8 yang mana kuasa Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kelulusan permohonan kepada pegawai yang bersetuju tentang persaraan seorang pegawai apabila atau setelah ia mencapai umur 45 tahun sebagaimana berikut:

“12. Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan pegawai lain daripada pegawai negeri, atau Pihakberkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh, atas permohonan pegawai itu, memberi persetujuan tentang persaraan seseorang pegawai apabila atau setelah ia mencapai umur—

- (a) empat puluh lima tahun bagi—
 - (i) seseorang pegawai perempuan;
 - (ii) seseorang pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat pegawai rendah dan ke bawah;
 - (iii) seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Penguasa; dan
 - (v) seseorang jururawat lelaki di hospital sakit otak; atau
- (b) lima puluh tahun bagi seseorang pegawai lelaki, lain daripada pegawai-pegawai dalam perenggan-perenggan kecil (ii) hingga (iv) perenggan (a).”

Di sini saya berharaplah supaya dapat pihak Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan yang terang apakah sebabnya mereka itu pada umur 45 tahun boleh memilih bersara; kalau mereka hendak bersara

boleh memohon. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya dapat pihak Menteri berkenaan mengkaji semula tentang umur persaraan wanita 45 tahun itu sedangkan lelaki 50 tahun dan saya berharap supaya dapat disamakan masa umur pencen wanita dan lelaki iaitu 60 tahun. Kalau di dalam Bill ini wanita 45 tahun boleh minta bersara, saya berharap 50 tahun boleh pihak wanita membuat permohonan bersara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu tenaga wanita kita adalah dikehendaki juga sebabnya kita tahu wanita lebih banyak daripada lelaki di masa dunia sekarang ini dan di dalam negara kita sekarang ini, sebab itulah kita nampak orang lelaki berkahwin 2, 3, 4. Jadi dengan sebab itulah, saya percaya kita dapat menimbang dan memberi keadilan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat disamakan kedudukan wanita dan lelaki yang mana kita tahu tiap-tiap seorang lelaki dan wanita patut mendapat hak yang sama. Kalau orang lelaki boleh jadi peguam wanita pun boleh jadi peguam, kalau lelaki boleh jadi menteri, wanita pun boleh juga. Macam-macam lagi seperti yang ada dalam negara kita, ada wanita menjadi tentera, menjadi polis dan bermacam-macam lagi dalam Malaysia kita hari ini. Wanita dapat memceri kerjasama di dalam tiap-tiap satu pekerjaan sepertimana Tuhan telah berfirman bunyinya: Bagi kaum lelaki itu dapat melihat apa yang diusahakannya, begitu juga kaum wanita kalau dia berusaha akan dapat melihat apa yang diusahakannya.

Saya berharap pihak yang berkenaan dapat memberi keadilan kepada kaum wanita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak yang telah memberikan sokongan kepada wanita dalam masa membahaskan Undang-undang ini dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad yang meminta supaya dapat disamakan kedudukan pencen kaum wanita dengan lelaki.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyebutkan apabila diluluskan Rang Undang-undang ini dapat dijalankan dengan lebih baik lagi di masa akan datang, janganlah Rang Undang-undang ini duduk di kertas sahaja kerana Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu lagi mendengar dan melihat

rakyat yang bersara memakan masa sehingga sampai dua tahun masih belum lagi dapat merasai wang pencen mereka, kadang-kadang ada yang sampai mati dahulu baru dapat wang itu.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya berharap sekali lagi supaya dapat Rang Undang-undang ini dijalankan dengan baik dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Rahmah binti Othman.

3.55 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memberikan pendapat saya dalam membincangkan Rang Undang-undang Pencen, 1979 ini. Sebelum saya memberikan sokongan saya ini, saya sukalah mengalu-alukan usaha Kerajaan mengadakan satu Undang-undang Pencen yang seragam bagi seluruh Malaysia.

Dalam membincangkan Rang Undang-undang ini, saya ingin menyentuh pertama sekali sebagai seorang Ahli Dewan yang baru dan kurang arif dalam perkara ini, saya juga ternampak dalam Rang Undang-undang ini perkara-perkara yang telah disebut oleh rakan-rakan saya sebentar tadi dan juga beberapa hari dahulu semasa membincangkan Rang Undang-undang ini iaitu yang dikatakan naskah sah Bahasa Malaysia itu.

Pada pendapat saya dan saya percaya dahulu mestilah Rang Undang-undang ini dibuat dalam bahasa Inggeris dan oleh kerana itu diterjemahkan Rang Undang-undang ini ke Bahasa Malaysia. Sebab saya katakan demikian kerana saya dapat beberapa perkataan dalam Rang Undang-undang ini menggunakan bahasa Inggeris yang diberi ejaan Bahasa Malaysia. Misalnya, dalam Fasal 13 baris 4, Fasal 15 baris 6 yang menyebut, “. . . . tetapi amaunnya tidak lebih”. Begitu juga Fasal 15: “. . . . Pencen terbitan yang amaunnya sama banyak”. Perkataan “amaun” ini saya tengok dalam bahasa Inggeris “amount”. Saya percaya perkataan “amaun” ini ada dalam bahasa Melayunya di mana

silapnya, saya tak tahulah, kecuali kalau Bahagian Terjemahan, Kementerian Undang-undang sudah tidak dapat mencari perkataan yang sesuai walaupun telah dirujuk kepada Dewan Bahasa dan sebagainya, tidak ada perkataan itu dalam Bahasa Malaysia, saya kurang faham, tetapi saya percaya pihak Kementerian bolehlah membetulkan. Fasal 17, baris 5 terdapat pula satu perkataan yang menyebut, “. . . seorang pegawai kontrak . . .”.

Jadi kalau diejakan atau kalau dibacakan “kontrak” itu sudah lain maknanya, Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya Rang Undang-undang ini untuk semua lapisan pegawai perkhidmatan awam. Dengan demikian adalah lebih baik Kerajaan mengeluarkan satu undang-undang yang menggunakan Bahasa Malaysia yang sepenuhnya yang boleh difahami oleh setiap yang berkenaan.

Dengan itu juga saya sukalah mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Rang Undang-undang ini disusun mengikut fasal, seksyen dan perkara yang dikaitkan itu misalnya tafsiran yang jelas dan senang difahami.

Fasal 2 Tafsiran diberikan makna yang jelas kepada ayat-ayat seperti “gaji yang terakhir diterima”, “Ketua Pengarah”, “pegawai” dan seterusnya tetapi perkataan “pencen” itu tidak diberikan tafsiran langsung. Semua perkataan-perkataan lain ada tafsiran, tetapi perkataan pencen itu tidak ada. Kalau tidak silap saya pencen ini juga adalah daripada perkataan Inggeris. Semua orang faham perkataan pencen itu, tetapi dalam Rang Undang-undang seperti ini perlulah perkataan yang terpenting itu diberikan tafsiran seluas-luasnya supaya setiap pembaca dapat membezakan antara pencen yang boleh dituntut oleh pesara apabila cukup umur 55 tahun dengan pencen terbitan, ganjaran misalnya, tambahan serta perkataan pampasan. Bagi saya semua perkataan ini adalah satu perkara yang begitu teknikal atau khas untuk mereka yang berhak menuntutnya, tetapi saya perlu memahaminya juga Rang Undang-undang ini untuk pengetahuan orang ramai.

Seperkara lagi yang tidak jelas ialah Fasal 3. Peruntukan ini membolehkan Kerajaan mengurangkan atau menahan pencen seseorang pegawai kerana salah laku atas

kecuaian atau salah-aturan. Perkara ini begitu luas sekali untuk difahamkan kerana katanya Fasal 3 seksyen (1):

“3. (1) Tiada seorangpun pegawai boleh mempunyai hak mutlak untuk mendapat pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah di bawah Akta ini.”

Saya agak keliru sedikit di sini, setahu saya pencen itu adalah salah satu syarat perkhidmatan pegawai dan kalau tidak salah saya Kerajaan ada memotong berapa percentage kalau tidak silap saya 16% daripada gaji pegawai untuk tujuan pencen ini. Tetapi oleh kerana Fasal 3 (1) tidak pula mengakui bahawa pencen itu menjadi hak pegawai-pegawai saya rasa ini tidak jelas mungkin kepada sayalah kerana saya tidak faham maksudnya. Pada pengertian saya apabila seseorang pegawai itu telah memberi khidmatnya untuk beberapa tahun dengan Kerajaan memerah otak dan fikirannya bagi melaksanakan dasar-dasar Kerajaan maka pada pendapat saya Kerajaan mestilah bersikap adil memberikan hak pegawai itu kerana itu adalah haknya, walaupun tidak menjadi hak mutlak baginya seperti yang terdapat dalam Fasal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat perkara-perkara ini kerana Rang Undang-undang ini mempunyai kesan yang luas kepada pesara-pesara yang telah bersara mulai 1-1-1976 dan juga kepada mereka yang sedang berkhidmat sekarang. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri setelah Kerajaan melaksanakan satu syor yang dibuat oleh Suruhanjaya Harun dalam tahun 1970 untuk faedah pekerja-pekerja badan berkanun dan Kerajaan Tempatan dan Rang Undang-undang ini pula adalah untuk mereka yang memilih tanggagaji baru Kabinet di bawah Akta Pencen 1979 yang mula berkuatkuasa pada 1-1-1976, apa jadi kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara yang telah memberikan khidmat mereka dengan cemerlang dalam masa 10 tahun sebelum tahun 1976? Apa jadi kepada pesara-pesara dari badan-badan berkanun dan Laporan Suffian? Saya berasa dukacita sedikit mereka ditinggalkan dalam soal meneliti pencen ini dan ini termasuklah kakitangan Kerajaan, kakitangan Perkhidmatan Awam yang sementara yang telah memberikan khidmat

selama 10 tahun sebelum dan selepas 1-1-1976. Saya berharap Kerajaan dapat mengkaji semula pendapatan pencen bulanan pesara-pesara Kerajaan sebelum 1-1-1976 supaya setimpal dengan keadaan kehidupan masyarakat hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya pada keseluruhannya Rang Undang-undang ini adalah untuk mempertingkatkan semangat mereka yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam. Juga dengan cara ini memberikan satu perlindungan dan jaminan baik apabila mereka bersara kelak supaya seseorang pegawai itu setelah berkhidmat untuk beberapa lama dengan Kerajaan dapat bersara dengan senang hati dan mampu menanggung keluarganya.

Sebentar tadi rakan saya telah menyebutkan Fasal 10 (1) (2) (3) dan (4). Adalah disebutkan di sini:

“seseorang pegawai hendaklah bersara dari perkhidmatan awam apabila ia mencapai umur lima puluh lima tahun.”

Saya tengok pula daripada satu seksyen di sini khas untuk kaum perempuan di Fasal 12 diturunkan kepada umur 45 tahun. Saya bukanlah memperjuangkan hanya untuk kaum perempuan sahaja tetapi ada tidak logiknya di sini kenapa apakala sampai kepada pegawai perempuan mahupun tinggi ataupun rendah jawatannya apa sahaja yang dibuat itu mesti dikurangkan daripada kedudukannya, daripada umurnya dan sebagainya. Tetapi kalau saya lihat keadaan kaum wanita hari ini mereka mempunyai kebolehan yang sama oleh kerana mereka mendapat didikan pelajaran yang sama dengan kaum lelaki. Kalau maksud Rang Undang-undang ini untuk semua saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan soal umur kepada kaum wanita jangan ditimbulkan atau dikurangkan sehingga 45 tahun. Saya berharap Rang Undang-undang ini dapat memberikan hak sama kepada kaum wanita supaya mereka juga pencen dalam umur yang sama dengan kaum lelaki iaitu 55 tahun.

Seterusnya kepada pegawai-pegawai yang sudah berkhidmat yang boleh dikatakan khidmatnya begitu cemerlang dengan Kerajaan kalau di masa-masa yang lalu mereka ini boleh diteruskan perkhidmatannya hinggalah kepada 60 tahun dan mungkin lebih

daripada itu. Tetapi di dalam Rang Undang-undang ini tidak disebutkan perkara jawatan itu perlu diteruskan setelah dia pencen umur 55 tahun boleh diambil balik bekerja. Bahagian ini saya lihat tidak ada termasuk di dalam Rang Undang-undang ini.

Menyentuh Fasal 14 (2), saya berpendapat jangka masa $12\frac{1}{2}$ tahun dari tarikh yang berikut selepas sahaja tarikh pegawai itu mati dan jika dilihat pula Fasal 16 (a) menyatakan pencen terbitan itu akan terhenti jika balu si mati berkahwin semula; amat merunsingkan saya. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, masa $12\frac{1}{2}$ tahun itu akan menyulitkan kehidupan seseorang balu apakala Allahyarham itu meninggalkan 4 orang anak misalnya, yang masih dalam sekolah rendah dan balu itu pula sedang mengandung dan masa Allahyarham itu meninggalkan keluarganya gaji akhir yang diterimanya pada masa itu \$500 sudah tentu tidak mencukupi dengan pencen yang sebanyak \$250 untuk menanggung 4 orang anak dan kemudian lahir lagi seorang dengan keadaan kehidupan masyarakat hari ini. Agak susah bagi balu itu untuk menyara anak-anaknya sehingga mendapat pelajaran di tingkatan menengah memandangkan kenaikan harga barang dan inflasi yang akan mendatang.

Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya dipertimbangkan jangka masa pencen ini daripada $12\frac{1}{2}$ tahun kepada mungkin 16 atau 18 tahun. Dengan cara ini jaminan bagi masa hadapan pelajaran anak-anak yang ditinggalkan itu terjamin dan dengan ada jaminan itu saya percaya balu-balu tidak akan mudah untuk berkahwin lagi kerana ini adalah menjamin masa hadapan anak-anaknya.

Saya percaya ada rakan-rakan saya yang tidak setuju saya katakan kalau balu itu boleh tidak kahwin kerana ini telah menjadi sifat manusia biasa tetapi saya ingin melahirkan perasaan kaum wanita apakala suaminya sudah meninggal, terutama bila umurnya sudah meningkat 40 atau 45 tahun tidak akan semudah yang dilafazkan di bibir bahawa balu itu akan berkahwin lagi apakala dia melihatkan tanggungjawabnya terhadap anak-anak yang ditinggalkan.

Jadi saya menyeru dan merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya dalam perkara ini dapat dipertimbangkan kerana saya

faham bahawa Rang Undang-undang ini adalah tidak mahu menyusahkan rakyat dan kita semua ini bukan akan hidup panjang, akan satu hari meninggalkan isteri-isteri kita; kalau lelaki, dan isteri pula kalau meninggalkan tidaklah menjadi masalah, seorang suami belum kering lagi kubur sudah mencari isteri lagi. Mungkin ini tidak betul tetapi rasa saya perkara ini sudah menjadi perkara biasa.

Pada pendapat saya pencen ini adalah diibaratkan penghargaan pihak Kerajaan kepada mereka yang telah memberikan khidmat mereka selama 20 tahun atau mungkin lebih ataupun 10 tahun masa mereka berikan untuk menjalankan khidmat mereka dalam bidang-bidang yang ditetapkan. Oleh itu saya hairan bagaimana terdapat pesara-pesara bersungut kelewatan mendapatkan pencen kadang-kadang sehingga 18 bulan atau 2 tahun pencen tidak dapat lagi setelah bersara. Kita semua tentulah maklum bahawa apabila seseorang itu bersara ia mahukan kehidupan dalam masa umur 50 tahun itu menikmati kehidupan yang selesa, hidup dengan keluarganya. Kalaulah pula beliau itu sudah membuat sesuatu rancangan misalnya hendak membuat perniagaan-perniagaan kecil dengan mengharapkan wang pencen itu, maka semua ini akan memberikan kerunsingan kepada pegawai itu.

Maka saya mengesyorkan kepada Kementerian supaya Bahagian Pencen ataupun Jabatan Pencen dapat mencari satu cara memproseskan pemberian pencen ini apabila cukup sahaja masa beliau itu pencen. Perkara ini berlaku kepada beberapa Wakil Rakyat kita yang telah bersara dari menjadi Wakil Rakyat. Ada salah seorang daripadanya sehingga 14 bulan tidak dapat lagi pencennya, bukan pula maknanya beliau itu mengharapkan kepada pencen ini tetapi maksud saya tadi proses yang dijalankan oleh Jabatan itu tidaklah begitu tersusun. Maka ini akan menyusahkan orang ramai, menyusahkan juga orang yang berkenaan kerana dalam masa hendak menunggu pencen itu datang apakah sarahidup yang boleh diberikan oleh pesara itu terhadap keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ramai lagi rakan saya yang lain yang sudah tidak sabar-sabar lagi hendak bercakap, maka

saya akhiri ucapan saya ini dengan memohon Menteri yang berkenaan supaya memberikan pertimbangan kepada syor-syor yang saya sebutkan tadi dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Sulaiman Ninam Shah.

4.18 ptg.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pencen, tahun 1979. Saya tidak mengambil masa yang panjang oleh sebab banyak perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya.

Saya menyokong atas Rang Undang-undang ini dengan baiknya dibawa oleh pihak Kerajaan. Walaupun begitu ada juga beberapa perkara yang saya suka mengambil bahagian menegur dan mengesyorkan dalam Rang Undang-undang ini. Pertama sekali saya suka bercakap dalam perkara umur bagi pencen; 45 tahun bagi wanita dan juga 55 tahun bagi lelaki. Ini saya menyokong kerana perkara ini adalah yang cukup bagus dibuat oleh Kerajaan selama ini. Tetapi cuma saya sahaja patut ditambah sedikit ayat di sana: "Boleh mengecualikan orang-orang yang difikirkan layak menjalankan tugasnya lagi ataupun orang-orang yang difikirkan susah hendak didapati pada masa ini". Kalau ayat itu dapat dimasukkan saya ingat tidaklah sebagaimana sekarang ini bila cukup sahaja umurnya 55 tahun dia mesti pencen. Ini pada pandangan saya.

Yang kedua, saya suka menyebut di sini dalam perkara orang yang telah berpencen kemudian beliau ini didapati membuat salah. Mengikut Rang Undang-undang ini jika sabit kesalahannya, pihak Kerajaan akan memotong pencennya jika orang ini bankrap dan sebagainya. Saya sama sekali tidak setuju dalam perkara ini kerana pada pendapat saya, orang ini sudah berkhidmat dengan cemerlang, mengabdikan dirinya selama 30 atau 40 tahun kepada Kerajaan maka dia dapat pencen. Apabila dia sudah pencen, dia menjalankan perniagaan, perniagaannya itu tidak berjaya, barangkali dia boleh jadi bankrap, maka dengan sebab itu pencennya ini pula diambil tindakan oleh

Kerajaan akan dihapuskan. Ini membebankan ahli pencen ini. Saya ingat ini satu perkara yang berlainan sekali. Saya fikir patut Kerajaan dapat menimbang balik perkara ini, tidak patut perkara seumpama ini dilakukan.

Lagi satu perkara saya suka membawa di sini ialah mengenai bayaran pencen perkhidmatan. Ini mengikut biasanya ialah 50% daripada pendapatan beliau sebelum pencen. Dasar yang berjalan selama ini baik, tetapi pada pendapat saya, kepada orang yang berpendapatan rendah yang gajinya dahulu \$300, \$400 dan \$500 ke bawah, kalaulah pencen 50% maka beliau sudah tua pula hendak bekerja lainpun barangkali tidak kuat sangat, ini teruk sedikit pada fikiran saya. Kerajaan patut memikirkan pada masa hadapan orang yang gajinya \$500 ke bawah ini patut diberikan 75% daripada pendapatannya. Bukan kepada semua orang tetapi orang yang berpendapatan rendah yang difikirkan kalau hari ini \$200, \$300 sebulan kepada famili mereka pun tidak mencukupi. Ini patutlah ditimbang oleh Kerajaan. Demikian juga saya balikkan kepada Angkatan Bersenjata. Kerajaan patut menimbang khidmat orang-orang dalam polis atau askar, gajinya memang tidak besar. Kita dapat duduk dalam rumah pada hari ini, berjalan ke sana ke mari dengan aman oleh kerana khidmat mereka 24 jam siang dan malam. Patut juga Kerajaan menimbang pegawai polis dan askar pangkat rendah yang gajinya barangkali \$500-\$600 sebulan, mengenangkan jasa mereka dapat mengamankan negeri ini diberi pencen 100%. Ini satu keistimewaan yang patut diberi kepada orang yang mempertahankan negara kita ini.

Seperkara lagi yang saya hendak bercakap di sini sama dengan yang dicakapkan oleh rakan-rakan saya iaitu sudah patut sangat Kerajaan menyediakan orang yang dua atau tiga tahun lagi hendak pencen sudah siap segala-galanya. Apabila mereka itu pencen sahaja, misal kata bulan Januari, Februari dia pencen, bulan Januari dia terus dapat pendapatannya; tidak payah menunggu berbulan-bulan atau bertahun-tahun. Kalau tidak cukup kakitangan di pejabat yang berkenaan tambahkan lagi, supaya jangan menyusahkan orang pencen kerana bila dia hendak pencen, pada bulan dia pencen itu kalau dia tiada kerja, kadangkadangkadanya kepala runsing, duit pula tidak

dapat, ini yang membuat orang ini lekas meninggal dunia. Adakah Kerajaan suka macam ini? Kalau tidak suka, berilah orang ini dengan keadaan yang menyenangkan. Saya percaya Kerajaan tidak bersetuju ini, tambahkan lagi kakitangan supaya perkara ini jangan berbangkit lagi.

Lagi satu perkara yang saya hendak bercakap di sini yang saya fikirkan sangat-sangat mustahak, tetapi tiada. Di dalam segala ucapan yang saya buat pada petang ini saya ingat paling mustahak ialah apa yang saya hendak cakapkan sekarang. Saya lihat dalam Rang Undang-undang Pencen ini tiada menyebutkan perkara Angkatan Tentera kita yang sudah berkhidmat dengan Kerajaan 10, 15 atau 18 tahun. Apa yang saya dapat tahu, saya percaya ini adalah benar; pada tiap-tiap tahun kurang 2,000 orang daripada askar berhenti kerja. Daripada 2,000 orang lebih kurang 70% daripadanya tidak dapat pencen padahal orang ini telah bekerja lebih daripada 10 tahun, ada yang 15 tahun dan ada yang 18 tahun. Maka mengikut peraturan yang berjalan sekarang ini askar kita orang yang telah bekerja 21 tahun ke atas baru layak mendapat pencen. Apa jadi kepada lebih kurang 1,400 orang lagi? Kalau kita ambil 2,000 orang, 30% daripadanya mendapat pencen, pada tiap-tiap tahun, 1,400 orang askar kita berhenti dengan tidak mendapat apa-apa bayaran pencen pun daripada Kerajaan, mereka cuma dapat pembahagian saguhati bonos dan sebagai, beberapa orang sahaja. Maka saya harap benar supaya Kerajaan dapat menimbang balik orang yang seumpama itu dan satu Rang Undang-undang dapat dibawa ke Dewan yang mulia ini supaya dapat ditimbang orang-orang yang tersebut kerana mereka telah berkhidmat bersungguh-sungguh kepada Kerajaan supaya apabila kita memberhentikan mereka, askar ini memang biasa dihentikan apabila mereka sudah bekerja selama 10 tahun, 15 tahun dan 18 tahun tetapi pegawai-pegawai Kerajaan yang lain apabila sudah berkhidmat 10 tahun dengan baik mereka sudah layak masuk dalam perkhidmatan berpencen. Orang yang memegang senjata mempertahankan negeri ini tidak dapat masuk dalam perkhidmatan pencen, tetapi orang yang duduk dalam pejabat senang lenang orang ini lebih mudah dapat. Ini saya harap supaya pihak Kerajaan dapat menimbangkan.

Kalau tidak silap saya, saya ada terbaca di suratkhbar sebelum Allahyarham Tun Razak meninggal dunia dalam Persidangan Kesatuan Pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Yang Amat Berhormat Tun ada mengatakan orang-orang yang bekerja 10, 15 dan 18 tahun ini patut diberi pencen. Tetapi dukacita bukan sahaja bagi pihak askar bahkan kita semua, bahawa Yang Amat Berhormat Tun telah meninggal lebih awal maka perkara ini tidak dijalankan sampai sekarang. Ini telah diucap dalam Persidangan Tahunan Kesatuan yang tersebut. Ini bukan satu perkara yang patut kita buang begitu sahaja. Saya harap benar supaya pihak Kerajaan dapat menimbangkan perkara ini.

Saya juga suka bercakap dalam perkara pegawai yang telah berpencen, pencen dibayar selepas peninggalannya selama 12½ tahun. Saya hendak tahu daripada Menteri yang berkenaan apa basisnya 12½ tahun ini, dari mana dia dapat ini? Saya tahu perkara ini berasal daripada penjajahan dahulu atau kira-kira macam manakah 12½ tahun ini. Kerajaan patut bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah bercakap supaya dapat menimbangkan kepada 15 atau 20 tahun. Ini pada pendapat saya.

Saya ingat cukuplah setakat ini saya memberi sedikit teguran yang membina dan dalam Rang Undang-undang ini, saya harap dapat ditimbangkan oleh Kerajaan mudah-mudahan dengan teguran-teguran yang bukan sahaja daripada saya bahkan juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Kerajaan akan memperbaiki lagi Undang-undang Pencen ini dan akan membawa ke Dewan yang mulia ini untuk faedah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Maka dengan ini, saya mengundur diri dengan menyokong atas Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon.

4.30 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian berkenaan dengan Rang Undang-undang Pencen ini. Sungguhpun hari ini ialah hari yang ketiga kita membincangkan

hal ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan "optional pension" iaitu pencen pilihan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Yang Berhormat boleh sambung ucapan selepas ini.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.31 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.50 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung semula berkenaan dengan persaraan pilihan. Di sini saya harap mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan mengenai persaraan pilihan, iaitu saya difahamkan sesiapa meminta bersara sebelum sampai umurnya ganjaran dan pencen mereka ini dikenakan bayaran income tax, tetapi pada masa sudah yang mereka tidak kena bayaran tersebut, ini harap mendapat penjelasan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pencen juga iaitu mereka yang sudah berpencen. Kita telah dengar ramai bercakap berkenaan dengan orang-orang yang akan berpencen tetapi saya bercakap berkenaan orang yang sudah berpencen. Saya dapati pada tahun yang lepas dalam akhbar mereka yang berpencen pada tahun 1976 akan mendapat pertimbangan kenaikan pencen dan juga ganjarannya tetapi betapa hal pula mereka berpencen sebelum tahun 1976? Di sini saya telah dihubungi oleh beberapa orang yang sudah berpencen supaya membawa perkara ini dalam Dewan yang mulia ini minta menimbangkan semula pencen-pencen mereka kerana sara hidup pada hari ini daripada satu tahun ke satu tahun, iaitu daripada tahun limapuluhan, enam puluhan sehingga tujuh puluhan dan lapan puluhan sara hidup sangat-sangat bertambah dari satu masa ke satu masa. Jadi kalau dibandingkan pada tahun enam puluhan atau tujuh

puluhan maka pendapatan yang diterima oleh mereka itu tidaklah mencukupi, mereka ini berharap Kerajaan menimbangkan semula kenaikan pencen-pencen mereka dengan tidak payah membayar ganjaran kerana mereka ini telah berkhidmat bertahun-tahun dengan Kerajaan dan berharap sangat kepada Kerajaan menimbangkan semula tentang bayaran pencen mereka dan juga mereka ini setengah-setengah daripadanya telah bersara berbelas-belas tahun lamanya tetapi pendapatan mereka ataupun pencennya begitu jugalah sudah berbelas-belas tahun. Jadi harapan saya kepada Kerajaan supaya memandang berat kepada mereka ini.

Setakat ini sahajalah saya dapat katakan kerana ini adalah satu daripada seruan ataupun permintaan daripada mereka yang telah lama berpencen dan dengan keadaan sara hidup pada hari ini mereka sekalian berasa sangat sukar untuk hidup bahagia bersama-sama dengan rakyat yang lain.

4.55 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bersama-sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencen 1979 yang mana telahpun diperbahaskan sejak dua hari dan masuk hari ketiga pada hari ini yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan begitu juga telah dibahaskan oleh rakan-rakan saya dari satu seksyen ke satu seksyen. Oleh yang demikian, saya juga ingin untuk menyentuh serba sedikit di dalam Rang Undang-undang ini, jikalau sekiranya tersilap saya minta maaf kerana sayapun tidak begitu arif dalam hal ini, lebih-lebih lagi saya baru sahaja duduk di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 10 (5) mengatakan:

“10 (5) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihakberkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh menghendaki manamana pegawai supaya bersara daripada perkhidmatan awam.”

Di bawah seksyen kecil (5) (a) pula mengatakan:

“(5) (a) jika Ketua Pengarah atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mengikut mana yang berkenaan, adalah berpuas hati atas keterangan doktor bahawa pegawai itu tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal;”

Di sini saya ingin mendapat penjelasan kerana dalam soal ini banyak kita dapat tahu pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan, khasnya pegawai-pegawai tinggi, mereka ini kadangkala mencari helah kerana mereka hendakkan laba yang banyak. Mereka telahpun ditawarkan umpamanya satu jawatan di pihak swasta atau sebagainya mereka minta berhenti tak dapat kerana kemungkinan beliau itu dikehendaki lagi perkhidmatan mereka, dengan cara ini mereka boleh memperdayakan bermacam-macam cara; berjumpa doktor mengatakan dia lemah jantung dan sebagainya. Ini ada yang telah terjadi. Selepas itu dengan kehendak doktor dan mengikut clause ini mengatakan boleh, mereka pun dapat berhenti dan dapat pencen, lepas satu atau dua bulan mereka pun masuklah bekerja di pihak swasta, maka dengan ini nampaknya penipuan akan berlaku. Oleh itu, saya tidak begitu arif dalam soal ini, kalau dapat minta penjelasan yang benar-benar daripada Yang Berhormat Menteri nanti.

Daripada seksyen 10 (5) (b) mengatakan:

“(b) apabila jawatan yang dipegangnya dihapuskan;”

Di sini juga saya hendak tahu cara apa penghapusan itu dijalankan? Adakah cara-cara penghapusan ini umpamanya jawatan itu tidak perlu lagi atau sebagainya. Dan begitu juga (c) mengatakan:

“(c) bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu bekerja mudah diperbaiki dan dengan itu menghasilkan lebih lagi kecekapan atau ekonomi; atau

(d) apabila ditamatkan pekerjaan pegawai itu demi kepentingan awam.”

Mengenai seksyen-kecil (c) ini, adakah mereka ini sedang bekerja umpamanya, bahawa Jabatan itu tidak menggunakannya

lagi, mereka ini terus diberhentikan dan dibersarakan, walaupun umurnya belum lagi meningkat 55 tahun.

Inipun samar-samar dan sayapun tidak tahu.

Begitu juga, "(d) apabila ditamatkan pekerjaan pegawai itu demi kepentingan awam." Demi kepentingan awam bagaimana di dalam tafsiran ini.

Di sini saya hendak bertanya mengenai perkhidmatan yang ditamatkan pekerjaan pegawai itu demi kepentingan awam.

Sekarang saya masuk pula Fasal 11 yang mana mengatakan:

11. Walau apapun peruntukan seksyen-seksyen 10 dan 12, dengan persetujuan pegawai itu, Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki seseorang pegawai supaya bersara pada mana-mana peringkat umur—

- (a) atas alasan kepentingan negara; atau
- (b) demi kepentingan perkhidmatan awam.

Di sini juga saya hendak minta penjelasan. Adakah ini termasuk, kerana saya masih ingat lagi bahawa pada bulan April, 1979 yang lalu salah seorang daripada Ahli kita yang sama-sama dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dari Pahang kalau tidak silap saya, demi kepentingan awam, perkhidmatannya itu tidak dapat dikira mengikut dalam fasal yang dikatakan ini, beliau itu hanya duduk dua hari sahaja dalam Dewan yang mulia ini, selepas itu dia minta berhenti daripada Dewan Negara kerana tidak dapat pencen ataupun sebagainya, pada hal dia telahpun berkhidmat dengan Kerajaan berpuluh-puluh tahun. Oleh kerana memandangkan keadaan ini beliau langsung tidak menerima jawatan sebagai Ahli Dewan Negara dan meletakkan jawatan. Ini mungkin disebabkan oleh perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Ini juga saya minta juga penjelasan, adakah termasuk pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik untuk menjadi Ahli Dewan Negara atau sebagainya boleh diberi pencen.

Saya menyentuh Fasal 13, persaraan demi kepentingan awam. Agaknya inipun ada masuk dalam soal itu tadi.

13. Yang di-Pertuan Agong boleh, jika difikirkannya patut, memberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah kepada

seseorang pegawai yang bersara demi kepentingan awam, tetapi amaunnya tidak lebih daripada amaun yang pegawai itu sepatutnya layak mendapat jika sekiranya pencen, ganjaran atau lain-lain faedahnya itu dihitung berdasarkan lama yang sebenar perkhidmatannya yang boleh dimasukira.

Di sini saya hendak mendapat tahu juga berhubung dengan Ahli Dewan Negara yang dilantik tadi dan bagaimana pula pegawai-pegawai yang lain yang dikatakan termasuk dalam fasal ini

Mengenai Fasal 15 yang antara lain menyatakan:

15 (1) Jika seseorang pegawai berpencen yang telah bersara dari perkhidmatan awam mati dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan yang amaunnya sama banyak dengan pencen yang telah dibayar kepadanya selama tempoh tidak lebih daripada perbezaan antara tempoh dua belas tahun setengah dengan tempoh persaraan pegawai yang mati itu.

Dalam soal ini banyak perkara-perkara ini telah terjadi kerana dalam fasal ini, umpamanya seseorang pegawai Kerajaan setelah sahaja dia berpencen, umur 55 tahun, mengikut fasal yang lain balunya boleh menerima pencen selama 12½ tahun lagi.

Tadi telahpun ada rakan saya menyebutkan, kadangkala mereka ini berpencen 55 tahun tetapi anaknya masih kecil lagi. Umur 55 tahun dia pencen kadangkala dalam masa umur 55 tahun masuk kepada 56 tahun, diapun meninggal dunia dan balunya akan mendapat pencen 12½ tahun, pada hal anak yang dibesarkan ataupun yang di dalam jagaan balu itu tadi baru berumur antara satu atau dua tahun. Kalau kirakan satu ataupun dua tahun umurnya, umur 14 tahun habislah pencen yang diterima oleh balu itu tadi. Padahal anak yang baru berumur 14 tahun itu masih bersekolah, kalau tidak silap saya hanya baru masuk Form 3. Di dalam soal ini saraan tidak dapat lagi, kemungkinan ini menjadikan kesusahan kepada balu-balu.

Di sini saya mencadangkan supaya tempoh 12½ tahun itu, apa salahnya jikalau boleh pihak Kerajaan memberi terus pencen kepada

balu itu sehingga dia meninggal dunia, seperti mana suaminya juga kalau dia masih hidup. Dan dalam fasal ini juga mengatakan kalau dia berkahwin lagi umpamanya, itu tidak perlulah kita bayar. Ini cadangan dan pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 20, pencen dan lain-lain terhenti apabila bankrap. Dalam soal ini banyak terjadi, lebih-lebih lagi pegawai-pegawai Kerajaan sebagaimana tadi telah diterangkan, yang telah bersara, berniaga, tetapi malang tidak berbau, kadangkala untung, kadangkala rugi, kadangkala di seret ke mahkamah, bila dibawa ke mahkamah kadangkala dijatuhkan hukuman bankruptcy, maka pencen yang didapati itupun mengikut sama. Ini menganiaya kepada pesara itu. Kalau boleh dalam soal ini harus juga difikirkan supaya kalau pencen, pencenlah; kalau dia bankruptcy di dalam soal perniagaan, itu soal lain, kerana kita tidak mahu soal ini menjadi mudarat kepada pegawai-pegawai itu yang telahpun berkhidmat kepada Kerajaan dengan cemerlang, berbelas-belas dan berpuluh-puluh tahun, tetapi oleh kerana keadaan ini terjadi, pencennya pun dipotong.

Begitu juga ada pegawai-pegawai Kerajaan umpamanya yang bersimpati mengikut dasar baru Kerajaan ini hendak menolong orang-orang Melayu—bumiputra, hendak meningkatkan taraf bumiputra di segi ekonomi umpamanya, supaya mencapai taraf 30%. Pegawai-pegawai Kerajaan ini ada kalanya pula yang saudaranya ataupun rakannya yang meminta tolong rekomen ataupun tolong menjaminkan dia, mereka pun menjaminkan. Selang dua tiga bulan atau tiga tahun umpamanya orang yang dijamin itu tidak dapat menjalankan tetapi si penjamin bertanggungjawab dalam soal ini. Kadangkala pegawai-pegawai Kerajaan pula terlibat dalam soal ini oleh kerana menolong orang, pencennya pun habis. Ini telah terjadi.

Ada pegawai Kerajaan iaitu seorang guru sekarang ini berkhidmat di Pahang, tetapi oleh kerana dia menolong kawan-kawannya, diapun menandatangani kawannya cabut lari sekarang, dia kena tahan gajinya, tidak dapat naik pangkat dan sebagainya dan mungkin kalau dibawa ke mahkamah akan terjadi juga hal seperti ini, kerana kadangkala pihak mahkamah berpendapat kalau sudah berhutang, teruslah bankruptcy. Senang sahaja ceritanya. Ini menyusahkan juga pihak Kerajaan ataupun orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 24, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan pemberian elaun bersara kepada pegawai sementara.

Sebentar tadi Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon telah menyebutkan tentang persara-persara yang telah bersara sebelum tahun-tahun 1976. Inipun ada pertanyaan-pertanyaan dibawa oleh rakyat untuk saya bertanya dalam Dewan yang mulia ini.

Ada seorang yang bertanya kepada saya dan banyak lagi yang bertanya, yang telah bekerja sebagai buruh kasar tetapi termasuk juga dalam fasal ini yang mana beliau telah bekerja semenjak tahun 1949 sehinggalah tahun 1968. Pekerjaannya hanya untuk menjaga taliair iaitu empangan sawah yang mana sebagai pekerja sementara sahaja telahpun berpencen dan genap umurnya 55 tahun. Tetapi setelah genap umur 55 tahun mereka tidak dapat pencen sehingga pada hari ini, ganjaranpun tidak dapat hanya yang dia dapat duit EPF yang disimpan selama bekerja itu sahaja. Oleh itu, saya hendak penerangan juga dalam soal ini adakah termasuk dalam pemberian elaun bersara ini kepada pegawai sementara dalam Seksyen 24 ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar pendapat daripada rakan-rakan saya menyatakan supaya umur bersara 55 tahun di dalam Rang Undang-undang ini menjadi 60 tahun iaitu dilanjutkan 5 tahun lagi. Dalam soal ini rasa saya, saya tidak begitu menyokong. Pada pandangan saya memang sudah elok Rang Undang-undang ini, umur bagi seseorang itu bersara 55 tahun kerana kita memandangkan negara kita sedang membangun, rakyat semakin hari semakin ramai, institusi pengajian tinggi semakin banyak dan pelajar-pelajar yang keluar setiap tahun sama ada daripada luar ataupun dalam negeri dan mereka banyak yang tidak bekerja, masa ini banyak yang menganggur lagi menunggu kerja. Inilah sebabnya rasa saya kalau dilanjutkan lagi sehingga 60 tahun orang-orang ini tak dapat bekerja nanti dan akan menunggu sampai pegawai itu bersara. Jika ada pegawai yang hendak mendapat jawatan A, dia sekarang memegang jawatan B dia terpaksa menanti orang itu bersara dahulu. Kalau dilanjutkan lagi hingga 60 tahun bermakna diapun tua, sama-sama tua barulah dapat hendak pegang jawatan itu.

Kalau itu kita amalkan negara kita akan susah sedikit dan penganggurpun banyak dan pegawai mungkin buat masa ini sudah banyak kalau kita tengok pegawai yang frust ataupun sudah bosan kerana menunggu tak dapat naik pangkat, mereka ini boleh dikatakan pakar juga atau professional dalam satu-satu bidang. Mereka terpaksa berhenti sebelum sampai 55 tahun ataupun masih 40 tahun kerana mereka berfikir kalau tunggu sampai 55 tahun tak boleh naik pangkat, lebih baik berhenti cepat, mereka masuk swasta. Oleh itu Kerajaan juga rugi, kadangkala Kerajaan menghantar anak-anak kita ke luar negeri dengan belanja yang begitu besar selepas itu orang lain yang mendapat faedah. Oleh itu, dalam soal umur bersara 55 tahun ini memang baik, kerana negara kita sedang membangun. Jika sekiranya ada pegawai yang mungkin sangat mustahak tetapi tidak ada dalam Rang Undang-undang ini disebutkan, kalau mustahak sangat rasa saya tidak ada salahnya jika pegawai yang dikehendaki itu selepas pencen 55 tahun boleh diambil semula bekerja balik dengan cara gaji bulan ke bulan.

Di samping itu dapat dia melatih pegawai di bawahnya untuk menggantikan tempatnya apabila dia berhenti dan tidak mahu bekerja lagi sama ada 58 tahun atau 60 tahun yang dikehendaki itu. Itu rasa saya lebih baik. Kalau kita lanjutkan 60 tahun akan menjadi masalah di negara kita dengan lebih besar, sekarang masalah di negara kita memang besar sehinggakan tiap-tiap tahun penuntut-penuntut keluar sekolah beribu-ribu dan masukpun begitu juga. Oleh itu, dalam soal ini saya tidak menyokong cadangan rakan-rakan saya.

Saya setuju umur 55 tahun bersara dan umur persaraan pilihan wanita 45 tahun. Had itu sangat elok, wanita pun kalau lanjut sehingga 55 tahun rasa saya sudah begitu uzur, lebih baik mereka balik ke rumah dengan mendapat pencen menimang cucu dan sebagainya. Kalau boleh pergilah haji, bermalah ibadat dan berilah peluang kepada orang muda yang tak bekerja supaya dapat juga mereka mewarisi jawatan pegawai-pegawai yang lain.

Dalam soal yang lain telahpun disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Sulaiman berhubung dengan pegawai-pegawai tentera kita yang mana dalam Rang Undang-undang ini tidak ada disebut nampaknya, tetapi ingin-

lah saya juga menyentuh dalam soal ini. Sepatutnya pihak Kerajaan memikirkan soal tentera ini kerana apa yang kita dapat tahu mereka ini telah berjuang bermati-matian, ada kalanya menggadai nyawa, meninggalkan anak dan isteri, tetapi apabila tamat khidmatnya, khidmat mereka tidak dipergunakan lagi, mereka dibiarkan begitu sahaja. Kadangkala pegawai atau tentera-tentera yang telah berkhidmat 10-15 tahun itu mereka tidak mendapat apa-apa pencen daripada pihak Kerajaan, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Dato' Sulaiman tadi. Mereka hanya mendapat ganjaran lebih kurang \$10,000-\$12,000. Itu sahaja. Apakah yang boleh dibuat dengan wang itu pada masa ini tanpa pencen, padahal mereka itu ada anak, ada isteri dan juga kadang-kadang tidak ada harta yang lain.

Perkara ini kadangkala menjadikan pengangguran lebih banyak dan pihak Kerajaan kadangkala ada berjanji pegawai itu boleh diberi kerja menjadi jaga dan sebagainya, tetapi sehingga hari ini banyak pegawai tentera yang berhenti itu tak mendapat apa pekerjaan. Oleh itu dalam soal ini haruslah pihak Kerajaan meneliti ataupun menimbang dengan sehalus-halusnya supaya pihak tentera itu yang telah berkhidmat bergadai nyawa untuk menjaga kepentingan tanahair kita ini supaya mereka itu diberi keistimewaan lebih daripada pegawai-pegawai yang lain. Kalau boleh berilah pencen yang sewajarnya supaya mereka itu gembira dan juga kita pun dapat mengenangkan jasa-jasa mereka untuk kepentingan negara kita.

Oleh itu, dalam soal yang lain, saya tidaklah hendak panjangkan, hanya saya berharap dan saya berdoa supaya Rang Undang-undang Pencen, 1979 ini dapat dijalankan dengan baik oleh pegawai-pegawai yang berkenaan. Kita tidak mahu lagi mendengar sungutan-sungutan daripada pegawai-pegawai yang telah bersara, kadang-kadang sampai 3-4 tahun baru dapat pencen itu.

Dalam soal ini tak boleh kita menafikan. Banyak perkara ini telah terjadi, umpamanya, ada yang sudah 2-3 tahun pencen belum dapat lagi wang pencennya kerana macam-macam masalah yang tak selesai dan kadang-kadang sehingga dia sudah meninggal dunia tak dapat lagi, si balu pergi menuntut sehingga kadang-kadang memakan masa 2-3 tahun pula baru dapat wang pencen. Oleh

sebab mereka ini susah kerana hendak membayar hutang, hendak membeli rumah dan sebagainya, tetapi kan sudah berjanji dengan kawan, hutang hendak dibayar, pencen tak juga dapat kadangkala chetti minta hutang mengatakan: Mana duit, awak sudah janji dulu. Pencennya tak dapat lagi, macam-macam masalah yang timbul. Ini masalah biasa yang mana kita dengar, kalau duduk di kampung-kampung kita boleh dengar masalah ini. Oleh itu, saya berharaplah dan berdoa kepada Allah s.w.t. supaya pegawai petugas nanti menjalankan undang-undang ini supaya dapat jika sekiranya mereka itu hendak berpencen 2-3 tahun lagi sediakan segala butir-butirnya, bila sampai dia berpencen sahaja, besoknya, bulan hadapan dia terus dapat pencen, sebagaimana gaji yang diterimanya setiap bulan.

Inilah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sekali lagi menyokong atas Rang Undang-undang ini.

5.18 ptg.

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pencen 1979.

Rakan-rakan saya sudah banyak bercakap berkenaan hal ini sudah 3 hari, tetapi saya cuma bercakap sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya seorang bekas perajurit. Saya dapati di Wisma Pahlawan banyak balu bekas-bekas perajurit. Jadi, kalau mengikut Bill ini di muka 9, Fasal 16, yang berbunyi:

“16. Pencen terbitan atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini hendaklah terhenti—

(a) jika penerima pencen itu ialah seorang balu, apabila ia berkahwin semula;”

Inilah saya meminta kepada Kerajaan supaya ditimbang semula, sebagaimana sekarang ini di Wisma Pahlawan itu banyak balu-balu bekas perajurit yang ingin kahwin. Jadi, saya tak setuju, alasan saya apabila dia berkahwin semula, pencen yang diterima itu ialah dengan suaminya yang pertama, sebab mereka sudah bercampur lama dan dapat anak satu, dua dan kahwin lagi sekali, kali kedua, sebab suaminya yang pertama sudah meninggal dunia, maka

terputus pencennya. Inilah saya merayu kepada Kerajaan, alasan saya ialah mereka itu balu dengan suami yang pertama yang sudah lama bercampur dan dengan kehendak Tuhan mati suaminya itu.

Saya mahu pencennya dengan suaminya yang pertama itu dikekalkan sebab kadangkang balu itu kahwin kali kedua, kerana pemuda yang dia hendak kahwin itu handsome dan muda tetapi pendapatannya sedikit, apa mereka hendak makan dengan ada anak dua atau tiga orang. Jadi, saya merayulah kepada Kerajaan tolonglah kekalkan pencen balu itu dengan suami yang pertama. Saya percaya rakan-rakan saya yang ada di Dewan ini bersetuju dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan Fasal 16 (b):

“16 (b) jika penerima pencen itu ialah seorang anak yang tidak cacat otak atau tidak berkeupayaan dari segi jasmani dan secara kekal, dan yang tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, apabila mencapai umur dua puluh satu tahun atau apabila ia berkahwin atau terhenti mendapat didikan di suatu institusi pelajaran tinggi.”

Fasal 16 (a) dan (b) ini hendaklah dipotong sama sekali, itu rayuan saya kerana saya dapat tahu iaitu Kerajaan kita hendak menolong rakyat, jikalau kita buat perkara ini susah rakyat. Jadi saya mendapat tahu ada juga yang sudah berpencen mendapat 2-3 pencen, dengan ini saya harap Fasal 16 (a) dan (b) ini dipotong semuanya untuk menolong balu-balu khasnya balu-balu bekas-bekas perajurit yang kami ada sekarang di Wisma Pahlawan tidak kurang daripada 80 orang. Separuhnya dapat kami beri kerja, tetapi bila dia ingin hendak berkahwin lagi satu, pencennya kena potong, saya mahu pencen dengan suami pertama dikekalkan. Itu sahajalah pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

5.22 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain dalam membahaskan Rang Undang-undang Pencen 1979. Saya tidak ada banyak perkara yang saya hendak sentuh kerana telah tiga hari

kita membahaskan Rang Undang-undang ini dan banyak rakan-rakan saya telah menimbulkan pandangan-pandangan, cadangan-cadangan dalam Dewan yang mulia ini.

Perkara yang pertama yang saya suka hendak sentuh ialah Fasal 10 yang baru sekejap ini saudara saya Tuan Abdul Razak telah pun menyentuh. Tetapi saya juga suka hendak menyentuh di bawah Fasal 10 (5). Apa yang saya maksudkan di sini kuasa yang kita berikan kepada Ketua Pengarah atau Setiausaha Kerajaan Negeri dalam Fasal 10 (5) (a) adalah diharap supaya Ketua-ketua Pengarah atau Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri tidak menyalahgunakan kuasa ini, ataupun berikanlah pertimbangan yang sebaik-baiknya supaya tujuan undang-undang ini tepat kita laksanakan.

Saya tidak berhajat hendak mengengkar apa keputusan ataupun cadangan yang akan dibuat kelak oleh doktor yang mana saya tahu seseorang hendak bersara di bawah sebab-sebab kesihatan (medical board) ini hendaklah disahkan oleh dua orang doktor. Sebagaimana ditimbulkan oleh saudara saya Tuan Abdul Razak tadi kalau kurang penilaian atau penelitian perkara-perkara seperti ini boleh berlaku dan pada masa-masa yang lepas ini kita dapati banyak berlaku di negara kita ini iaitu pegawai-pegawai yang muda-muda dapat dibersarakan di bawah kesakitan badan dan kita tahu pula selepas sahaja beliau bersara tidak berapa lama misalnya dua bulan dia mengambil kesempatan menjadi calon dalam pilihanraya. Bagi saya kalaulah mereka itu barangkali bertanding atas parti-parti pemerintah boleh tahan sedikit, tetapi apa yang menjadi contoh yang saya sebutkan tadi mereka bersara dengan keizinan Kerajaan kita ataupun doktor-doktor yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan. Tetapi selepas daripada itu terus bertanding atas tiket parti-parti pembangkang selain daripada parti pemerintah. Jadi hal yang demikian adalah mendatangkan satu perkara yang amat tidak manis, kalau kita teliti sudah tentulah ada keadaan seperti itu di mana penyelewengan berlaku di antara dua pihak sama ada dari pihak doktor atau dari pihak orang yang akan meluluskan seperti Ketua Pengarah atau Setiausaha Kerajaan Negeri.

Saya berharap benar-benar dan sekali lagi saya hendak katakan saraan di bawah Fasal 10 (5) (a) ini hendaklah pihak yang bertang-

gungjawab meneliti dengan teliti dan sekiranya benar-benar berpuashati barulah patut disarakan pegawai-pegawai yang demikian.

Menyentuh kedua-dua Fasal 11 (a) dan (b) saya memberikan sepenuh-penuh sokongan kerana memang kita ketahui saraan di bawah alasan kepentingan negara umpamanya ini adalah satu Fasal yang terkandung dalam Rang Undang-undang Pencen ini yang amat baik di mana dalam kita menjalankan pentadbiran pemerintahan ini memanglah barangkali ada orang-orang yang patut kita sarakan dia di bawah kepentingan negara dan juga barangkali di bawah kepentingan Perkhidmatan Awam kerana banyak pegawai-pegawai tinggi Kerajaan kita pada masa-masa yang lepas pernah disarakan di bawah kepentingan negara kerana Kerajaan kita ataupun parti pemerintah berkehendakkan beliau berkhidmat kepada negara lebih daripada apa yang beliau berkhidmat sekarang ini. Jadi sebab itu saya memberikan sepenuh-penuh sokongan atas Fasal 11 (a) dan (b) ini supaya perkara ini akan memberi faedah yang baik kepada kepentingan Kerajaan sendiri.

Dalam Fasal 17 saya juga suka hendak menyentuh sedikit. Fasal 17 (1) di mana Pencen Hilang Upaya ini juga mustahak sebagaimana yang diperkatakan oleh Ahli-ahli yang lain juga bahawa seseorang pegawai Kerajaan apa juga jawatan yang mereka pegang terpaksa menjalankan kewajipan itu dengan cara yang penuh dedikasi dan mereka menganggap diri mereka adalah terikat dengan Kerajaan tidak kira sama ada di pejabat, di rumah atau di mana sahaja. Jadi pada masa mereka masih dalam Perkhidmatan Awam sebagai kakitangan atau pegawai Kerajaan maka pencen kepada pegawai sedemikian patut dikenakan atas pertimbangan yang dibuat dalam undang-undang ini kerana kalau kita memerhatikan umpamanya seorang pegawai ditugaskan, didatangkan ke Kuala Lumpur daripada mana-mana negeri umpamanya dari Pantai Timur sehingga 400 batu beliau terpaksa memandu kereta sama ada memandu sendiri atau dengan driver. Tetapi mereka merupakan dalam perjalanan khidmatan mereka kepada Kerajaan, oleh sebab itu Pencen Hilang Upaya ini sangatlah saya menyokong memandangkan kalau tugas yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan kita dari sepanjang masa mereka berkhidmat dengan Kerajaan.

Fasal 21 dalam Rang Undang-undang ini ialah disebutkan pencen terhenti apabila disabitkan. Ini juga satu fasal yang dikan-dungkan di sini yang menunjukkan bahawa seseorang yang diberi pencen kemudian disabitkan kesalahan sebagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sulaiman tadi amatlah tidak kena dan tidak adil bukan kepada pegawai yang ber-pencen itu tetapi kepada anak isterinya kerana kita sedia maklum barangkali tidak ada seorang manusia pun yang waras yang hendak melakukan kesalahan sehingga mereka masuk penjara ataupun dihukum mati dan sebagainya, tetapi keadaan dunia ini boleh berlaku perkara-perkara seperti itu dan kerana mereka disabitkan hukuman ke atas mereka sama ada hukuman penjara ataupun hukuman bankrapsi sebagaimana yang disebutkan tadi maka pencennya itu digantung ataupun dihentikan.

Jadi ini alangkah aniyanya kepada keluarga pegawai-pegawai itu, seperti kata "Sudah jatuh ditimpa tangga pula". Barangkali mereka bolehlah menggunakan wang pencen \$200-\$300 atau \$400-\$500 itu untuk menanggung keluarganya semasa mereka dalam kesusahan. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa tidak semesti-nya seseorang ataupun tidak sebegitu tepat seseorang yang ada di dalam penjara itu semuanya bersalah kerana ada juga barangkali mereka yang tidak sengaja hendak melakukan kesalahan itu tetapi terjadi keadaan itu dan bila mereka dibawa ke mahkamah dikenakan hukuman seperti itu, maka ditanggunglah oleh pegawai yang demikian.

Jadi hal inilah yang dikatakan tidak patut pencen ini dihentikan dan saya mencadangkan supaya Fasal 21 ini hendaklah disemak semula oleh pihak Jabatan Perdana Menteri supaya perkara ini dapat diberi balik kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang berhak mendapat pencen tetapi tidak dapat menerima pencennya bersabit dengan Fasal 21 dalam Rang Undang-undang ini.

Satu perkara lagi yang saya suka hendak menimbulkan di sini tetapi agak saya ini adalah di luar sedikit daripada fasal-fasal yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini tetapi saya mengambil daripada ucapan Yang Berhormat Menteri yang ber-kenaan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang Pencen, 1979. Kalau tidak

salah saya di akhir ucapannya tempoh hari beliau menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak lalai dan tidak mengabaikan kepentingan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat kepada negara kita. Jadi perkataan "Kerajaan Barisan Nasional" yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini yang saya hendak sentuh sedikit di sini.

Saya memang bersetuju dengan ucapan Yang Berhormat Menteri itu tetapi saya fikir semua barangkali hairan di Malaysia kita ini walaupun pegawai-pegawai Kerajaan sendiri memahami bahawa Kerajaan kita tidak mengabaikan atau tidak lupa kepada nasib pegawai-pegawai dan kakitangan per-khidmatan awam di setiap jurusan atau setiap bidang sebagaimana pada 2 tahun yang lampau Kerajaan telah meluluskan gaji baru di bawah Skim Kabinet dan sekarang ini kita sedang membahaskan pula Rang Undang-undang Pencen, 1979 yang saya kira seluruh Rang Undang-undang ini adalah memberi faedah dan kebaikan kepada kakitangan Kerajaan. Dan sebagaimana yang terdengar ura-ura sekarang ini mungkin dalam tahun 1980 ini ataupun selewat-lewatnya barangkali tahun 1981 ada pula Kerajaan hendak menimbangkan kenaikan gaji kepada kaki-tangan Kerajaan atas tuntutan pegawai-pegawai Kerajaan. Jadi apa yang menjadi kehairanan kepada kita di dalam Kerajaan begitu sekali mengambil berat, sentiasa menimbang kedudukan pegawai-pegawai Kerajaan tetapi pegawai-pegawai Kerajaan juga, saya tidak dapat hendak menyatakan sama ada separuh, saya tidak berani kata separuh; mungkin 1/3 ataupun biar tepat perkataan 1/3 saya ini tetapi ada ramai juga bilangan kakitangan Kerajaan yang menen-tang Kerajaan secara terbuka, secara berani maki hamun kepada Kerajaan, kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan kita seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya. Jadi ini satu perkara yang menjadi tanda tanya kepada rakyat jelata sedangkan soal gajinya kita timbang, sekarang ini kita bahas pula soal hendak beri pencen yang lebih baik kepada pegawai-pegawai Kerajaan tetapi dalam pada itu masih ada pegawai-pegawai yang bersikap sedemikian.

Jadi kita semua faham bahawa Malaysia ini mengamalkan dasar demokrasi, siapa pun boleh menentang tetapi bagi pegawai Kera-jaan saya kira tidak seharusnya menentang.

Tetapi di sebalik itulah yang saya katakan bukan sedikit umpamanya di Kelantan pun masih banyak terdapat baik guru sekolah ataupun pegawai-pegawai Kerajaan, ini barangkali bukanlah pegawai-pegawai tinggi Kerajaan tetapi pegawai-pegawai yang sederhana; yang tiap-tiap hari hidup mereka itu adalah bergantung kepada sumbangan yang diberi oleh Kerajaan kepada mereka. Tetapi penentangannya kadang-kadang kita mendengar tidak seharusnya dilakukan oleh mereka. Jadi soal inilah yang saya suka dalam Dewan yang mulia ini sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Pencen, 1979 ini saya dengan hati yang tulus ikhlas suka menyeru kepada seluruh kakitangan Kerajaan baik dari jawatan tinggi, sederhana, rendah, fikirlah semula sikap pegawai-pegawai sedemikian dan kalau mereka tidak berpuashati, mereka akan jadi penentang Kerajaan, maka lebih baik mereka mengundurkan diri daripada menjadi hamba kepada Kerajaan supaya orang-orang lain dapat mengambil tempat dengan lebih wajar. Kalau mereka sudah berfikir sedemikian ataupun kalau mereka berfikir hendak jadi ahli politik, tidak senang hati menjadi pegawai Kerajaan, maka patut juga mereka berundur diri dan masuk menjadi ahli politik bertanding dalam pilihanraya dan sebagainya supaya Kerajaan senang berbau di mana musuh. Tetapi dalam Kerajaan kita sekarang ini sewaktu kita bincangkan bermacam-macam untuk kepentingan pegawai-pegawai kita, masih terdapat pegawai-pegawai yang kadang-kadang bersikap "Lontar batu, sembunyi tangan" pun ada. Inilah yang kita terdapat, rahsia-rahsia Kerajaan juga terlepas kepada tangan-tangan orang-orang yang tidak bertanggungjawab atau kepada parti-parti Pembangkang. Dari mana ini semua keluar? Mestilah daripada kakitangan di jabatan-jabatan Kerajaan. Saya dengan ikhlas membuat seruan ini dengan harapan supaya kedudukan Kerajaan kita teguh di samping kita menerusi Dewan Rakyat, Dewan Negara yang mulia ini meluluskan undang-undang untuk kepentingan-kepentingan perkhidmatan kakitangan Kerajaan maka kita berharap pihak kakitangan Kerajaan juga akan berterima kasih kepada Kerajaan sekurang-kurangnya kalau tidak-pun mahu menyokong secara kuat parti pemerintah sekurang-kurangnya berterima kasih dan berdiam diri dari segi politik pun cukup dengan tidak membuat penentangan-penentangan yang begitu hebat.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang ada di Malaysia ini yang kita mengamalkan demokrasi yang pernah dikatakan oleh setengah-setengah orang demokrasi kita ini demokrasi melampau, demokrasi melebihi daripada batas dan sebagainya, sebab kalau kita lihat kepada pentadbiran Kerajaan di Singapura, kakitangan Kerajaan di Singapura jangan harap mereka hendak menentang Kerajaan secara terbuka. Kalau tentang secara sulitpun kalau dapat tahu oleh pemerintah tunggulah pegawai itu. Pertama diberi amaran, kedua diberi amaran keras atau yang ketiga teruslah, tidak pedulilah ada pencen atau tiada pencen, berhenti.

Tetapi Kerajaan Malaysia ini masih meneruskan cara apa yang ada pada hari ini dan kita harap Kerajaan kita akan sentiasa berjalan seperti yang ada pada hari ini dengan harapan supaya kakitangan Kerajaan juga dari semua pihak memberikan pandangan-pandangan perhatian-perhatian, kesetiiaan-nya kepada Kerajaan yang mereka sanggup jadi pegawai atau kakitangan di bawahnya. Kalau keadaan ini selaras saya percaya usaha Kerajaan Barisan Nasional yang ada pada hari ini untuk hendak membangunkan negara ini, untuk hendak menjaga kepentingan kakitangan Kerajaan baik dari segi gaji, dari segi pencen, dari segi apa jua kepentingan-kepentingan kakitangan Kerajaan akan dapat dicapai dengan baik dan insya Allah kita berharap negara kita ini akan kekal memerintah dengan keadaan aman, damai untuk faedah seluruh rakyat.

Sekianlah seruan saya dalam Dewan yang mulia pada hari ini dan akhirnya saya menyokong penuh Rang Undang-undang Pencen 1979 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan yang telah dibahas selama 3 hari dalam Majlis ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri bolehlah menjawab.

5.45 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih saya pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun dan turut serta membahas dan menyokong

Rang Undang-undang yang telah saya bantangkan dan telah selama tiga hari kita berbahas.

Di masa saya membentangkan Rang Undang-undang ini, saya telahpun bercakap dengan panjang lebarnya dan nampaknya ada 18 Ahli Yang Berhormat telah bangun dalam Dewan ini turut membahasnya, maka dengan itu saya tidaklah berniat untuk memberi penjelasan satu persatu atas apa juga yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Walaupun demikian, saya akan cuba sedaya upaya saya untuk menyentuh beberapa perkara yang perlu saya jelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin serta beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Rang Undang-undang ini adalah rumit sedikit untuk difaham oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan siapa juga yang tidak terlibat langsung dengan pentadbirannya. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana Undang-undang pencen adalah merupakan satu daripada undang-undang yang luas dan mengandungi beberapa faktor teknikal dan rujukan yang agak sukar sedikit untuk diuraikan dalam masa yang singkat.

Walau bagaimanapun saya memberi jaminan Rang Undang-undang ini telah dikaji sedalam-dalamnya dari semua segi perundangan oleh pakar-pakar dalam undang-undang oleh jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Peguam Negara. Dari segi implementasinya pula Bahagian Pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam yang diberikan tugas untuk mentadbirkan undang-undang ini nanti adalah mempunyai pegawai-pegawai yang pakar dan masalah kerumitan di segi pentadbirannya tidaklah timbul. Apa yang jelas kelihatan apabila saya katakan "lebih senang" di masa saya menyampaikan ucapan saya dahulu ialah ianya lebih mudah ditadbirkan jika dibanding dengan undang-undang pencen yang lama. Misalnya, dalam ordinan pencen yang lama adalah sukar untuk menentukan sama ada seorang pegawai itu boleh mendapat pencen atau tidak. Adalah juga sukar untuk menentukan sama ada perjalanan seorang pegawai yang menemui kemalangan itu di masa menjalankan tugas rasminya atau tidak. Dalam Rang Undang-undang Pencen yang saya bantangkan ini perkara-perkara seumpama itu telahpun dimudahkan.

Begitu juga Rang Undang-undang Pencen yang baru ini, seperti yang diperakui oleh hampir semua Ahli Yang Berhormat dalam ucapan mereka, adalah jauh lebih baik dari beberapa segi jika dibanding dengan ordinan-ordinan pencen yang lama. Misalnya pegawai kerajaan yang sudah meningkat sampai kepada umur pencen sama ada memegang jawatan tetap atau sementara boleh diberi pencen asalkan telah berkhidmat 10 tahun umur kanak-kanak yang menerima pencen juga telah dinaikkan dari 18 tahun kepada 21 tahun, manakala kemalangan jalanraya diambilkira sama seperti kemalangan kapalterbang. Tempoh perkhidmatan bekas tentera yang dahulunya tidak diambilkira juga diambilkira manakala faedah-faedah pencen perkhidmatan dan kecederaan dibayar sepenuhnya mengikut kadar yang ditetapkan tidak seperti yang dahulu hanya dihadkan. Pendeknya ordinan pencen yang dibentangkan ini adalah lebih baik daripada ordinan pencen yang lama dan dengan itu soal sah atau tidak seperti yang dibangkit mengikut Fasal 147 Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dibimbangkan. Pentadbiran Undang-undang Pencen seperti yang dibentangkan ini adalah juga lebih mudah seperti saya katakan tadi dan akan menyenangkan dan mempercepatkan lagi pembayaran pencen kepada pesara-pesara.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah minta penjelasan mengenai maksud perkataan-perkataan seperti Pencen Terbitan, Pencen Hilang Upaya, Pencen Tanggungan, Pencen Perkhidmatan dan lain-lain lagi. Sukalah saya menjelaskan: "Pencen Terbitan" ialah pencen yang dibayar kepada balu dan anak-anak yang di bawah umur 21 tahun apabila seseorang kakitangan berkenaan meninggal dunia semasa berkhidmat atau dalam tempoh $12\frac{1}{2}$ tahun selepas bersara. Perkataan "terbitan" ini digunakan kerana pencen itu terbitnya daripada perkhidmatan yang telah diberikan oleh kakitangan yang meninggal dunia. Jumlahnya adalah sama dengan jumlah pencen yang dibayar kepada seseorang yang bersara tetapi tempoh pembayarannya dihadkan kepada $12\frac{1}{2}$ tahun.

"Pencen Hilang Upaya" ialah tambahan pencen yang dibayar kepada kakitangan yang bersara akibat kecederaan semasa menjalankan tugas atau dalam perjalanan. Kadaranya adalah antara $\frac{1}{12}$ hingga $\frac{1}{2}$ daripada

gaji akhir iaitu ditetapkan menurut keadaan kecederaan yang ditanggung oleh kakitangan berkenaan. Pencen ini dibayar sebagai tambahan kepada pencen biasa.

“Pencen Tanggungan” juga dibayar kepada orang-orang tanggungan apabila kakitangan Kerajaan berkenaan meninggal dunia akibat kecederaan kerana menjalankan tugas atau semasa dalam perjalanan. Kadar yang dibayarkan adalah berbeza-beza antara balu, anak-anak dan ibu-bapa yang menjadi tanggungan kepada pegawai berkenaan dan menurut punca kecederaan. Faedah yang dibayar ialah sebagai tambahan kepada pencen terbitan.

“Pencen Perkhidmatan” adalah pencen yang dibayar kepada pesara-pesara sematamata kerana perkhidmatannya sahaja. Jumlahnya ialah bersamaan dengan $1/600 \times$ tempoh perkhidmatan yang diambilkira \times gaji akhir sebulan tetapi tidak boleh melebihi separuh gaji akhir.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin agak sukar dan terlalu panjang bagi saya menerangkan dengan jelas kesemua fasal yang diminta penjelasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat fikirkan perlu, satu taklimat boleh diatur untuk membolehkan Pegawai-pegawai Bahagian Pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menerangkan dengan lebih lanjut dan cara terperinci tiap-tiap bahagian Rang Undang-undang ini.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyuarakan kekhawatiran mereka atas persaraan secara paksa seperti yang terdapat dalam Fasal II Rang Undang-undang dan ingin tahu apakah dimaksudkan dengan, Persaraan atas kepentingan awam, Persaraan atas kepentingan perkhidmatan awam dan Persaraan atas kepentingan negara.

Persaraan atas kepentingan awam adalah bertujuan untuk membayar faedah ganjaran dan pencen kepada kakitangan Kerajaan yang terpaksa ditamatkan perkhidmatannya apabila pihak berkuasa tatatertib mendapati yang ianya telah melanggar peraturan atau ada tanda-tanda yang ianya telah menyalahgunakan kuasa atau terlibat dalam perbuatan rasuah misalnya. Tindakan bersara ini adalah jauh lebih ringan dibanding dengan tindakan membuang kerja di mana pegawai berkenaan tidak dibayar apa-apa

faedah pencen atau pampasan. Penamatan perkhidmatan secara ini perlu kerana kepentingan awam keseluruhnya akan terjejas sekiranya kakitangan berkenaan terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Persaraan atas kepentingan perkhidmatan awam pula adalah satu peruntukan bagi membolehkan Kerajaan menamatkan perkhidmatan kakitangan Kerajaan yang didapati tidak lagi berupaya memberikan khidmat yang memuaskan. Biasanya perkara ini berlaku disebabkan oleh faktor kesihatan dan juga masalah peribadi yang menjejaskan minat dan semangat untuk bekerja. Peruntukan ini adalah untuk memudahkan kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan kakitangan Kerajaan. Soal sama ada tindakan Kerajaan akan adil atau tidak tentulah tidak timbul kerana satu syarat yang diperlukan ialah persaraan itu dengan persetujuan kakitangan berkenaan.

Persaraan atas kepentingan negara pula adalah merupakan penghormatan ke atas pegawai berkenaan. Persaraan seperti ini hanya dilakukan apabila seseorang pegawai yang masih berumur di bawah 50 tahun dikehendaki oleh Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana satu jawatan yang penting dalam bidang-bidang tertentu yang melibatkan kepentingan negara. Ini pun dilakukan atas persetujuan pegawai itu sendiri.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak membangkitkan kenapa seseorang pegawai wanita boleh minta bersara setelah umurnya meningkat kepada 45 tahun. Fasal 12 Rang Undang-undang ini memberikan peruntukan bersara apabila umur meningkat 45 tahun tidaklah terhad hanya kepada pegawai-pegawai wanita saja. Ianya juga melingkungi pegawai-pegawai lelaki yang berkhidmat dengan bomba, polis, pegawai penjara dan jururawat lelaki di hospital sakit otak. Perlu saya terangkan di sini iaitu persaraan begini boleh berlaku hanya atas permohonan pegawai itu sendiri dan atas persetujuan Yang di-Pertuan Agong. Perkhidmatan-perkhidmatan yang disebutkan dalam Fasal ini adalah merupakan perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu yang mengendali kerja-kerja yang merbahaya seperti bomba yang mungkin akan menyebabkan pegawai-pegawai berkenaan tidak dapat meneruskan perkhidmatan mereka. Walau bagaimanapun, setiap permohonan

akan diteliti dengan sedalam-dalamnya sebelum kebenaran diberi. Kebenaran hanya diberi atas kebaikan kedua-dua belah pihak saja.

Yang Berhormat Senator Puan Zawiah Abdullah telah mengeluarkan pendapatnya umur bersara sepatutnya dipanjangkan kepada 60 tahun dan bukan 55 tahun. Senator itu berpendapat seorang berumur 55 tahun adalah masih kuat lagi. Hanya tidak jelas pada saya sama ada kuat di segi fizikal atau mental. Senator itu telah menyebut beberapa orang (termasuk Ahli Dewan) yang kata beliau masih kuat lagi. Memang ada orang yang masih kuat lagi dalam lingkungan umur itu, tetapi saya fikir tidak semua. Mungkin yang masih kuat itu ialah kerana rajin makan ubat, saya tidak tahulah.

Walau bagaimanapun, pendapat-pendapat mengenai had umur ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah berbeza-beza dan susah untuk ditentukan mana satu yang lebih sesuai. Ada orang berpendapat 50 tahun cukup. Dan seperti Senator Puan Zawiah ada pula berpendapat dilanjutkan kepada 60 tahun. Perkara ini Kerajaan telah teliti dan halusi dan berdasarkan kepada data-data yang ada. Kerajaan pada masa ini berpendapat dan berpuas hati iaitu umur persaraan dihadkan kepada 55 tahun. Di samping memberi peluang pekerjaan pada generasi muda kita yang banyak tidak mempunyai pekerjaan pada hari ini juga memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan, setelah berkhidmat untuk negara, ingin pula mencari peluang penghidupan yang mungkin lebih selesa atau mungkin ingin berehat sedikit. Sekiranya Kerajaan masih memerlukan perkhidmatan seorang pegawai Kerajaan walaupun sudah bersara dan atas persetujuan pegawai-pegawai berkenaan, maka seorang pegawai boleh diambil bekerja semula selepas bersara untuk bertugas secara sementara.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock menimbulkan perasaan keraguan beliau mengenai Fasal 23 Rang undang-undang yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong menggantung pencen seseorang pegawai. Ini hanya berlaku apabila seseorang pegawai dilantik semula di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang sebagai seorang pegawai tetap dalam perkhidmatan awam. Ini adalah

wajar, memandang pegawai itu diambil semula untuk bertugas secara tetap dengan Kerajaan. Ini adalah perlu untuk menjaga kepentingan pesara dan juga Kerajaan. Walau bagaimanapun inginlah saya memberi jaminan Kerajaan tentu saja akan berhati-hati apabila melaksanakan fasal ini kelak.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik meminta Kerajaan menimbang-kan supaya kakitangan berpencen yang hendak berhenti kerja setelah berkhidmat lebih 10 tahun diberi faedah pencen. Kerajaan tidak dapat menimbang-kan perkara ini kerana akan menggalakkan kakitangan Kerajaan meninggalkan perkhidmatan awam untuk masuk kepada sektor swasta. Ini tentu saja akan mengakibatkan "brain drain" dan merugikan Kerajaan yang memerlukan perkhidmatan mereka untuk negara. Mengenai dengan kecekapan perkhidmatan awam, Pegawai-pegawai Kerajaan seharusnya bekerja dengan penuh minat dan dedikasi apabila menjalankan tugas mereka. Kerajaan telahpun melancarkan "Khidmat Cemerlang" pada awal tahun lalu 1979. Ini ialah bertujuan membangkit semangat dan daya penghasilan kakitangan perkhidmatan awam supaya mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan di semua peringkat. Kerajaan akan terus memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang memuaskan dari perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Khalid Abdullah meminta penjelasan mengenai Fasal 22 mengenai Pencen Perkhidmatan yang diberi kepada seorang pegawai tidak melebihi setengah daripada gaji yang akhir diterimanya. Ini adalah had maksima pencen perkhidmatan, iaitu pencen yang dibayar kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara di bawah Fasal-fasal 10, 11 dan 12.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad meminta penjelasan mengenai tertulisnya Kerajaan Brunei, Kerajaan Hongkong dan Kerajaan Singapura di muka 14 di bawah Jadual (seksyen 2).

Ingin saya menerangkan semasa pentadbiran penjajah dahulu pihak British pernah menukarkan pegawai-pegawai kepada negeri-negeri Brunei, Hongkong dan Singapura dan sebaliknya. Oleh kerana mereka ini mungkin

ada yang masih berkhidmat maka perlu dikekalkan atau disenaraikan negara-negara berkenaan dalam Rang Undang-undang Pencen 1979 yang dibentangkan.

Beliau juga ingin tahu dalam kertas Urusan Mesyuarat Dewan ini tertulis DR dan tidak DN di depan Rang Undang-undang yang dibentangkan. Saya telah diberi faham ini adalah disebabkan Rang Undang-undang berkenaan dikemukakan pada mulanya di Dewan Rakyat dan kemudian dibawa ke Dewan Negara.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad telah mempersoalkan kenapa pencen tidak diberi kepada pesara-pesara bangkrut. Sungguhpun pencen tidak dibayar kepada mereka tetapi sebagai gantinya Kerajaan membayar elaun tanggungan untuk sara hidup keluarga yang bankrupt itu seperti yang terdapat dalam Fasal 20 (3).

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah Sheikh Hussein telah menyarankan banyak pesara-pesara yang uzur atau tidak terdaya untuk datang mengambil pencen di pejabat Kerajaan harus diberikan kemudahan untuk menerima pencen di tempat mereka tinggal atau berdekatan dengan tempat mereka tinggal. Untuk makluman Yang Berhormat itu segala usaha telah dan sedang dibuat untuk memudahkan penerima-penerima wang persaraan, menerima pembayaran pencen mereka dengan cara yang lebih mudah lagi. Beberapa langkah telah diambil termasuklah pembayaran pencen melalui pejabat-pejabat pos yang berhampiran dengan tempat pesara-pesara tinggal. Kerajaan akan mengkaji perkara ini dari masa ke semasa. Senator Hajjah Salmah juga membangkitkan Pencen Tentera dan Polis yang tercedera atau meninggal dunia di masa menjalankan tugas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkhidmatan tentera mempunyai peraturan-peraturan pencen yang berasingan. Sebenarnya dasar agar ahli-ahli keluarga anggota polis yang tercedera semasa menjalankan tugas diberi faedah-faedah yang sama seperti yang diperuntukkan untuk faedah keluarga angkatan tentera, telahpun memang sedia wujud.

Yang Berhormat Senator S. I. Rajah menyuarakan perihal pegawai-pegawai Kerajaan yang kekal bujang yang telah bersara dan mati. Adakah tanggungan mereka iaitu

“ibu-bapa” akan menerima pencen? Dan bagaimana pula 12½ tahun itu ditetapkan dalam undang-undang. Ibu-bapa pegawai-pegawai Kerajaan yang tidak mempunyai anak, boleh menerima pencen tanggungan apabila pegawai berkenaan yang bersara meninggal dunia tertakluk kepada peraturan-peraturan dalam Rang Undang-undang ini. Tempoh 12½ tahun adalah tempoh yang diperakukan oleh Suruhanjaya Gaji Suffian.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim telah menyentuh Fasal 28 (2) dan mempersoalkan kenapa pencen ordinan yang lama itu iaitu Ordinan Pencen 1951, Ordinan Pencen Sabah 1963 dan Ordinan Pencen Sarawak masih dikekalkan. Ini adalah membolehkan pegawai-pegawai membuat pilihan sekiranya atas sebab-sebab tertentu mereka tidak mahu memilih Skim Baru C.C.R. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat itu ada pegawai-pegawai yang tidak memilih Skim Baru C.C.R. Senator itu juga menyarankan mengapa Rang Undang-undang ini diberi kuatkuasa pada 1-1-76 dan pada beliau mengapa tidak 1-1-70 misalnya. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk melaksanakan Skim Pencen di bawah Skim Tanggagaji Baru Kabinet (C.C.R.) yang berkuatkuasa pada 1-1-76, maka itu perlulah diselaraskan Undang-undang Pencen ini dengan C.C.R. Kedudukan faedah pencen di bawah tanggagaji Suffian seperti yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat itu adalah pada masa ini dalam pertimbangan Tribunal Perkhidmatan Awam. Oleh itu buat pada masa ini tidaklah sesuai bagi saya memberi komen-komen lanjut mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Sulaiman Ninam Shah telah menimbulkan persoalan mengapa askar-askar di-berhentikan setelah berkhidmat selama 10 hingga 18 tahun tidak dibayar pencen. Askar-askar berpangkat rendah dibayar faedah-faedah tamat perkhidmatan di bawah peraturan-peraturan pencen yang tertakluk di bawah Akta Pencen Angkatan Tentera. Mereka yang bersara sebelum cukup tempoh perkhidmatan selama 21 tahun hanyalah dibayar faedah-faedah persaraan dalam lump sum payment atau sekali bayaran. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji kedudukan mengenai hal ini dengan tujuan menyelaraskan faedah pencen angkatan tentera dengan faedah-faedah pencen yang diperuntukkan bagi perkhidmatan awam.

Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah dan Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menimbulkan satu kemuskilan tentang keadilan apabila melaksanakan peruntukan mengenai persaraan atas sebab-sebab kesihatan di bawah Fasal 10 (5) (a). Untuk makluman Dewan yang mulia ini persaraan atas sebab-sebab kesihatan akan ditimbangkan hanya apabila satu Lembaga Perubatan yang biasanya terdiri daripada seorang pakar perubatan dan dua orang doktor biasa telah mengesahkan bahawa seorang kakitangan yang sakit itu telah tidak berupaya lagi untuk meneruskan perkhidmatannya. Dengan adanya Lembaga ini kebimbangan mengenai kemungkinan tidak adil adalah tidak timbul. Kerajaan juga akan berhati-hati supaya ini tidak disalahgunakan dan untuk menjamin kepentingan Kerajaan.

Yang Berhormat Senator Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob meminta pertimbangan semula memberhentikan pencen terbitan apabila seseorang balu berkahwin semula. Sebenarnya pencen terbitan hanya diberhentikan pembayarannya kepada balu apabila perkahwinan semula tetapi diubah pembayarannya kepada anak-anak untuk menjaga sara hidup anak-anak kepada pegawai yang meninggal dunia. Jika pencen kepada balu tidak diberhentikan apabila balu berkahwin semula kita takut mungkin berlaku perkara-perkara yang tidak diingini, misalnya, ini boleh disalahgunakan oleh lelaki yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah kelewatan membayar pencen. Soal kelewatan membayar pencen tidaklah boleh diletakkan semata-mata ke atas Bahagian Pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam sahaja. Beberapa faktor-faktor telah menyebabkan kelambatan membayar pencen seperti rekod-rekod perkhidmatan yang tidak lengkap dan juga kelambatan kertas-kertas persaraan disampaikan kepada pihak Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya rasa di sini perlulah saya menyeru kepada semua Jabatan-jabatan Kerajaan supaya bekerjasama dan menghantarkan kertas-kertas pencen bagi pegawai-pegawai yang hendak pencen seberapa cepat yang boleh kepada Jabatan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini masalah itu telah dapat dikurangkan beberapa langkah telahpun diambil sejak tahun 1978 untuk memperbaiki pentadbiran pencen.

Antara langkah-langkah tersebut ialah seperti berikut:

Penyusunan semula Bahagian Pencen. Penyusunan semula ini melibatkan juga perubahan-perubahan terhadap prosidur-prosidur mengenai penyediaan dan memproseskan kertas-kertas pencen serta pembayaran pencen. Misalnya tindakan untuk menyediakan kertas-kertas pencen bagi bakal-bakal pesara dimulakan jauh lebih awal, iaitu antara 1 hingga 3 tahun sebelum tarikh persaraan supaya maklumat-maklumat yang terkandung dalam kertas berkenaan adalah kemaskini apabila tiba masanya untuk membuat pembayaran. Jika pada tarikh persaraan pula masih didapati maklumat-maklumat yang dikemukakan tidak berapa lengkap, pesara-pesara berkenaan akan dibayar pencen secara provisional, iaitu kira-kira sebulan selepas tarikh persaraan supaya pesara berkenaan tidak terputus punca pendapatan untuk kehidupannya. Sekiranya ada kes-kes yang tertentu yang melibatkan pesara-pesara menerima persaraan mereka lambat, saya dengan hormatnyalah minta kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberitahu pihak yang berkenaan berhubung segera dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu Bahagian Pencen.

Kedua, mengeluarkan risalah-risalah kepada bakal peserta dan peserta-peserta tentang peranan yang boleh mereka ambil bagi menolong melicinkan dan mempercepatkan pembayaran pencen kepada mereka ataupun kepada tanggungan-tanggungan mereka.

Ketiga, mengadakan program-program latihan mempertingkatkan jentera pelaksanaan di semua Jabatan. Kursus-kursus yang diadakan sentiasa menekankan perlunya kakitangan yang melaksanakan hal-hal pencen mempunyai sikap yang positif untuk menjaga kebajikan pesara-pesara dan ahli-ahli keluarga mereka demi untuk menjaga paras motivasi yang tinggi dalam perkhidmatan awam.

Keempat, memudahkan Undang-undang dan Peraturan-peraturan Pencen. Rang Undang-undang ini adalah juga untuk tujuan

tersebut kerana di samping ianya mewujudkan satu Undang-undang sahaja bagi seluruh Malaysia. Peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalamnya juga adalah jauh lebih mudah difahami dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang Pencen yang sedia ada.

Kelewatan bayaran pencen yang terdapat di Sabah dan Sarawak adalah disebabkan beberapa masalah yang bersabit dengan Ordinan-ordinan Pencen yang lama. Adalah diharapkan pembayaran akan dapat dipercepatkan sebaik sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan ataupun keterangan kepada beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa perbincangan Rang Undang-undang ini dan saya harap sekiranya ada perkara-perkara yang tertinggal dan tidak sempat saya huraikan saya ingin memberi jaminan segala hujjah Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti dan mana-mana yang sesuai akan diambil perhatian untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 14—

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Pengerusi, saya hendak menentuhkan dalam masa Jawatankuasa ini, iaitu

Fasal 2—“perkhidmatan awam”. Di sini ada dicatitkan di muka surat 4 Rang Undang-undang Pencen ini mengandungi;

“peraturan-peraturan itu” ertinya mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 5;

“perkhidmatan awam” ertinya—

Ada ditulis di sini sebagaimana tercatat dari (a) hingga (i)

- (a) x x x x x x x x x x x
- (b) x x x x x x x x x x x
- (c) x x x x x x x x x x x
- (d) x x x x x x x x x x x
- (e) x x x x x x x x x x x
- (f) x x x x x x x x x x x
- (g) x x x x x x x x x x x
- (h) x x x x x x x x x x x
- (i) x x x x x x x x x x x

Tidak perlu saya bacakan Tuan Pengerusi, hanya saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana perkara ini mengikut pendapat saya bercanggah dengan Perlembagaan menurut Fasal 132, Perlembagaan.

Di dalam Fasal 132, Perlembagaan terang menyebutkan:

BAHAGIAN 10

Perkhidmatan Awam

“132. Perkhidmatan Awam.

(1) Bagi maksud-maksud Perlembagaan ini, Perkhidmatan awam ialah—

- (a) angkatan tentera;
- (b) perkhidmatan kehakiman dan undang-undang;
- (c) perkhidmatan awam am Persekutuan;
- (d) pasukan polis;
- (e) perkhidmatan keretapi;
- (f) perkhidmatan awam bersama yang tersebut dalam Perkara 133; dan
- (g) perkhidmatan awam tiap-tiap satu Negeri.”

Dalam Peraturan Pencen ini yang menarifkan “perkhidmatan awam” telah digugurkan “angkatan tentera” walaupun saya

boleh difahamkan, Tuan Pengerusi, angkatan tentera ini boleh dimasukkan di bawah khidmat kuasa Majlis Angkatan Tentera atau Armed Forces Council, tetapi saya mohon diberi penjelasan, kerana ini berkait dengan Perlembagaan dan kalau perlu benda ini dihilangkan dalam Peraturan dan Undang-undang lain, Perlembagaan perlu dipinda. Apabila peraturan yang bertentangan dengan Perlembagaan menurut hemat saya yang cetek ini, Tuan Pengerusi, kalau perkara itu bertentangan dengan Perlembagaan, dengan sendirinya yang kecil itu akan batal; kuatkuasa yang sudah ada dan berjalan dengan baik sekarang ini maka penjelasan perlu diberi supaya menjadi rekod Dewan ini.

Sepanjang yang saya ingat di Dewan ini, daripada tahun 1962 hingga sekarang ini, saya masih belum mendengar pindaan dibuat menghilangkan angkatan tentera dari perkhidmatan awam yang mana ianya tercatat dalam Perlembagaan. Jadi kalau ianya masih berkuatkuasa dalam Perlembagaan ini, apa kisahnya dengan Rang Undang-undang yang kita kemukakan di Dewan ini, tentulah ianya berlawanan, Tuan Pengerusi. Sebagai Ahli Dewan yang telah mengangkat sumpah di Dewan ini akan menjaga keluhuran Perlembagaan, maka saya dengan rasa berat hati terpaksa bangun dan membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini, kalau tidak, saya gagal dalam tugas saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya perkara ini diizinkan Menteri menjawab, saya ada satu perkara lagi selepas ini iaitu dalam Fasal 10 (3). Fasal 10 (3) ini iaitu Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara ia tidak terlibat dengan kaedah bersara umur 55 tahun kerana ia dilanjutkan kepada umur 60 tahun, iaitu mengikut Fasal 65 dalam Perlembagaan.

Tuan Pengerusi: Tan Sri pernah membangkitkan perkara ini semasa Tan Sri memberi ucapan.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tetapi ada ulasan lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Fasal 65 begini bunyinya, Tuan Pengerusi:

“65. Setiausaha-setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

- (1) Maka hendaklah ada seorang Setiausaha Dewan Negara dan seorang Setiausaha Dewan Rakyat.
- (2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada Fasal (3), tiap-tiap seorang daripada mereka hendaklah memegang jawatan sehingga mencapai umur enam puluh tahun atau apa-apa had umur sebagaimana diperuntukkan oleh Parlimen dengan undang-undang, melainkan jika ia terlebih dahulu meletakkan jawatannya.”

Tuan Pengerusi, apabila Rang Undang-undang ini diluluskan kelak, maka dengan sendirinya kedudukan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat ini terlibat. Pertama terlibatnya, adakah lantikan yang dahulu itu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Jikalau ianya bukan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan sendirinya lantikan perlu dibuat mengikut Perlembagaan. Maknanya dikehendaki lantikan itu dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, mereka akan bersara pada umur 60 tahun dan pegawai-pegawai lain bersara pada had umur 55 tahun. Saya memperkatakan bukan soal mereka memohon bersara—mereka memohon bersara dibolehkan umur 50 tahun, tetapi saya memperkatakan sekarang ini mereka ialah lebih daripada had umur 55 tahun sebagaimana lain-lain jawatan. Jadi apa kesahnya kedudukan mereka itu. Adakah satu keistimewaan yang akan diberi oleh Kerajaan kepada Setiausaha Dewan Negara atau Setiausaha Dewan Rakyat ke had mana tanggagaji yang mereka diberi. Adakah mengikut susunan biasa? Umpamanya kalau sekiranya masuk umur 55 tahun itu mereka tidak sampai kepada taraf Super-scale B. Dalam umur 57 atau 58 tahun mereka boleh mencapai kehendak itu, maknanya ialah satu kelebihan yang diberikan kepada mereka.

Saya maksudkan, Tuan Pengerusi, lantikan yang dibuat ini ialah mengikut Perlembagaan, tentulah lantikan Setiausaha kedua-dua Dewan itu satu jawatan yang penting dari segi undang-undang dan dari segi Perlembagaan, maka wajarlah mereka itu—Setiausaha Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Negara diberi satu ganjaran yang berasingan yang sepatutnya mereka terima tidak sama dengan pegawai-pegawai lain sebab mereka berkhidmat lebih daripada umur 55 tahun. Dan daripada umur itupun bolehlah kita mentakrifkan satu khidmat yang cemerlang yang mereka mesti lakukan sehingga mencapai umur 60 tahun. Kalau sekiranya mereka itu pula tidak kepuasan hati—Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan tugas dan tadbir mereka itu dalam masa sebelum mereka bersara umur 60 tahun, maka pemecatan sedemikian mestilah dibuat mengikut pemecatan seorang hakim. Jadi menjelang kita membahaskan perkara pencen, biarlah bersama-sama kita memahaminya.

Saya memang sepenuhnya menyokong supaya kedudukan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat ini diberi kedudukan yang istimewa memandangkan kerana daripada meja inilah, atau daripada Dewan inilah keluar segala undang-undang yang menjadi undang-undang negara kita. Jadi inilah yang perlu saya memohon pada Yang Berhormat Menteri dalam masa kita bercakap membahaskan dalam Jawatankuasa, saya memohon bahawa ini adalah satu kedudukan yang istimewa, hendaklah ditimbang oleh Kerajaan kepada Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat apabila mereka itu melangkah pada had umur yang sepatutnya dijalankan oleh seorang pegawai perkhidmatan awam yang lain.

Yang kedua, bagaimanakah kedudukan mereka sekarang ini adakah mereka dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau mereka dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Maka inilah alasan-alasan yang saya kemukakan dalam membahaskan dua perkara ini dan mohon penjelasan jua.

Tuan T. S. Gabriel: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Tolong beri jalan, Yang Berhormat Menteri.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Pengerusi, saya hendak meminta penjelasan di bawah Fasal 11. Fasal 11 berbunyi:

“11. Walau apapun peruntukan seksyen-seksyen 10 dan 12, dengan persetujuan pegawai itu, Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki seseorang pegawai supaya bersara pada mana-mana peringkat umur—

- (a) atas alasan kepentingan negara; atau
- (b) demi kepentingan perkhidmatan awam.”

Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan. Sungguhpun satu masalah kepentingan negara telah bersangkutan, mengapa Rang Undang-undang ini berkehendak persetujuan pegawai itu. Tidak bolehkah Kerajaan memberhentikan pegawai itu tanpa persetujuan dan juga demi kepentingan perkhidmatan awam, juga persetujuan pegawai dikehendaki. Tidak bolehkah Rang Undang-undang ini dibuat tanpa persetujuan, retire the officer without the consent being obtained. Sekian, terima kasih.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat yang pertama tadi, saya ingat perkara ini tidak bercanggah kerana tadi, Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Di sini apa yang dibentangkan oleh undang-undang ini adalah mengenai dengan persaraan perkhidmatan awam dan tidak menyentuh mengenai dengan perlantikan.

Mengenai dengan perkhidmatan tentera tadi, perkhidmatan tentera ini adalah sudah mempunyai peraturan yang telah sedia ada sekarang dan ini hanya disebut di sini pencen ini mengenai dengan perkhidmatan awam (civil service). Jadi, saya rasa ini hanya berkaitan dengan perkhidmatan awam sahaja.

Mengenai dengan

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Pengerusi, oleh sebab ini adalah sidang Jawatankuasa, biasanya boleh bercakap dua tiga kali kalau ianya (Ahli

Dewan) tidak faham. Jadi saya faham apa Yang Berhormat Menteri mengatakan perkhidmatan kedua-dua Setiausaha Dewan ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kalau itu sudah nyata terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Datuk bolehlah menyambung pada esok hari.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 15hb Januari, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.